



TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (1233870-A)

IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No.8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur
T: +603-2723 9696 F: +603-2723 9998 **Website:** www.takaful-ikhlas.com.my
(Licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

SIJIL IKHLAS FIRE TAKAFUL

SALAM SEJAHTERA DAN TERIMA KASIH

Kerana memilih Kami sebagai penyedia Takaful Kebakaran Anda.

PENGENALAN

Peserta Takaful dan pihak Syarikat bersetuju bahawa:

1. Borang Cadangan ini akan termaktub dan menjadi asas kepada Sijil Takaful ini.
2. Peserta Takaful bersetuju untuk membayar Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
3. Borang Cadangan yang dilengkapkan dengan penuh dan benar, akan menjadi pra-syarat kepada sebarang tanggungan pihak Syarikat.
4. Perlindungan Takaful ini adalah tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini merangkumi peruntukan-peruntukan had kawasan dan tempoh perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
5. Perkaitan di antara pihak Syarikat dengan Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful ini, adalah tertakluk dan diterjemahkan mengikut Undang-undang Malaysia.

Kontrak Takaful untuk Pengguna (Pelan Takaful yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan jawapan yang diberikan oleh Anda di dalam borang Cadangan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Anda semasa penyerahan Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan semasa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan maklumat oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat yang diberikan Anda, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat Kontrak Takaful yang dipersetujui oleh Anda dan Kami.

Kontrak Takaful untuk Komersial (Pelan Takaful yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan berpandukan kepada jawapan yang diberikan oleh Anda dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon untuk Takaful ini) dan apa-apa kenyataan yang telah dibuat oleh Anda pada atau ketika penyerahan Borang Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon untuk Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan segala kenyataan yang telah dikemukakan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful ini di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan atau dalam apa-apa pendedahan yang dibuat oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami.

DEFINISI

Di bawah Sijil Takaful ini:

1. “**Manfaat**” bermaksud Amaun Perlindungan yang akan dibayar oleh pihak Syarikat daripada Dana Risiko apabila berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini berdasarkan kepada Manfaat yang tertera di dalam Jadual.
2. “**pihak Syarikat, Kami**” bermaksud Takaful Ikhlas General Berhad, penggantinya atau pemegang serah hak termasuk mana- mana anak-anak syarikat milik penuh dan berkaitan dengan MNRB Holdings Berhad atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik.
3. “**Kerugian Tuntutan**” bermaksud kerugian kewangan.
4. “**Kejadian yang Dilindungi**” bermaksud salah satu Peril yang disenaraikan di dalam Sijil Takaful ini.
5. “**Susut Nilai**” bermaksud pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat Haus dan Lusuh.
6. “**Endorsmen**” bermaksud perubahan bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had Sijil Takaful yang ditunjukkan di dalam Jadual.
7. “**Ekses**” bermaksud jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful terhadap tuntutan sebelum pihak Syarikat membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam Jadual atau pada apa-apa Manfaat Pilihan.
8. “**Lekapan atau Lengkapan**” bermaksud barangan yang kekal melekat pada bangunan Peserta Takaful.
9. “**Banjir**” bermaksud limpahan atau lencongan dari saluran biasa sama ada secara semula jadi atau buatan, pecahan atau melimpahnya saluran utama air awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar bangunan.
10. “**Pampasan**” bermaksud meletakkan Peserta Takaful kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian.
11. “**Nilai Pasaran**” bermaksud nilai ke atas harta yang dilindungi pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana Haus dan Lusuh dan/atau Susut Nilai.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

12. **“Terbuka”** bermaksud di mana-mana bahagian Premis yang tidak tertutup sepenuhnya oleh dinding dan bumbung, juga bangunan-bangunan luar di atas Premis bangunan tersebut yang tidak dapat dicagar.
13. **“Peril”** bermaksud sumber musibah atau bencana yang menyebabkan kerosakan kepada harta yang dilindungi.
14. **“Tempoh Takaful”** bermaksud Tempoh Takaful yang tertera di dalam Jadual.
15. **“Barangan Peribadi”** bermaksud barangan peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan dan dompet.
16. **“Premis”** bermaksud tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam Jadual di mana bangunan itu dibina.
17. **“Cadangan”** bermaksud Borang Cadangan yang telah ditandatangani oleh Peserta Takaful dan segala maklumat yang diberikan kepada pihak Syarikat oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful.
18. **“Qard”** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
19. **“Dana Risiko”** bermaksud dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan peserta-peserta Takaful.
20. **“Jadual”** bermaksud Jadual Sijil Takaful di mana kedua-dua butiran yang dilindungi dan Amaun Perlindungan dinyatakan.
21. **“Amaun Perlindungan”** bermaksud jumlah yang Peserta Takaful telah melindungi ke atas harta Peserta Takaful seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual.
22. **“Tabarru”** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
23. **“Takaful”** bermaksud suatu skim berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada Peserta Takaful jika diperlukan yang dengannya Peserta Takaful sama-sama bersetuju untuk memberi Sumbangan Takaful bagi maksud itu.
24. **“Perniagaan Takaful”** bermaksud urusniaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
25. **“Sijil Takaful”** bermaksud terdiri daripada semua Borang Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil Takaful ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain
26. **“Sumbangan Takaful”** bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
27. **“Peserta Takaful”** bermaksud individu yang tertera namanya di dalam Jadual sebagai “Peserta”.
28. **“Wakalah”** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.
29. **“Waranti”** bermaksud sekatan atau kewajipan yang dikenakan terhadap Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful. Pelanggaran waranti akan melayakkan pihak Syarikat untuk menolak tuntutan Peserta Takaful terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.
30. **“Haus dan Luluh”** bermaksud kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.

FASAL MELINDUNGI

Sehubungan dengan apa-apa Kejadian yang Dilindungi yang berlaku dalam Tempoh Takaful ini dan tertakluk kepada had-had, pengecualian dan syarat yang terkandung dan disahkan di dalam Sijil Takaful, pihak Syarikat akan, melalui bayaran atau melalui pemulihan semula atau pembaikan, terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi diakibatkan oleh kebakaran, atau kilat.

SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Sijil Takaful Pengguna dan untuk Sijil Takaful Komersial. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

A. Kontrak Takaful Pengguna

Apabila Anda telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) iaitu Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Takaful Komersial

Apabila Anda telah memohon untuk Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, dan apa-apa perkara seorang yang munasabah patut tahu sebagai relevan yang boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk segera memberitahu Kami sekiranya setelah kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. NOTIS

Sebarang notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Sijil Takaful ini hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat. Tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini boleh menjadi sah melainkan jika diluluskan oleh Syarikat dan telah disahkan oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

3. SALAH NYATA

Jika terdapat salah nyata material berkaitan harta yang dilindungi, atau apa-apa bangunan atau tempat yang terkandung di dalamnya harta tersebut, atau sebarang gambaran yang salah mengenai apa-apa fakta material yang perlu diketahui bagi menganggar risiko, atau sebarang peninggalan untuk menyatakan fakta tersebut, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas Sijil Takaful ini berkaitan dengan sebarang salah nyata, gambaran atau peninggalan tersebut.

4. BAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL

Tidak ada bayaran berhubung dengan apa-apa Sumbangan Takaful boleh dianggap sebagai bayaran kepada pihak Syarikat kecuali resit dalam bentuk bercetak yang ditandatangani oleh seorang Pegawai atau Ejen yang dilantik secara sah oleh pihak Syarikat telah diberikan kepada Peserta Takaful.

5. NOTIS TERHADAP TAKAFUL/ INSURANS LAIN

Peserta Takaful hendaklah memberi notis kepada Syarikat tentang apa-apa Takaful atau Insurans yang berkuat kuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuat kuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dilindungi, dan kecuali notis sedemikian diberikan dan butir-butir Takaful atau apa-apa Insurans sedemikian dinyatakan atau diendorskan di dalam Sijil Takaful ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

6. TAKAFUL/ INSURANS LAIN

Jika terdapat sebarang Takaful/ Insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, pihak Syarikat hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

7. RUNTUHAN ATAU PEMINDAHAN BANGUNAN

Semua perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful ini

- (1) atas mana-mana bangunan atau sebahagian daripada mana-mana bangunan,
- (2) atas mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,
- (3) ke atas sewa atau perkara lain berkenaan Sijil Takaful dengan atau berkaitan dengan mana-mana bangunan atau mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,

akan terhenti serta-merta apabila berlaku apa-apa kejatuhan atau pemindahan

- (a) bangunan itu atau mana-mana bahagiannya,
- (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian jenis bangunan atau mana-mana struktur yang menjadi sebahagian bangunan itu,

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

DENGAN SYARAT bahawa runtunan atau pemindahan bangunan tersebut adalah daripada seluruh atau sebahagian besar atau bahagian penting bangunan tersebut atau mengurangkan kegunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau meninggalkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau harta benda yang terkandung di dalamnya tertakluk kepada peningkatan risiko kebakaran atau bahan selainnya.

DAN DENGAN SYARAT bahawa runtunan atau pemindahan tidak disebabkan oleh kebakaran, kerugian atau kerosakan yang mana dilindungi oleh Sijil Takaful ini atau akan dilindungi jika bangunan tersebut, jenis bangunan atau struktur yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, beban untuk membuktikan bahawa sebarang runtunan atau pemindahan yang disebabkan oleh kebakaran sebagai mana tersebut di atas hendaklah terletak ke atas Peserta Takaful.

8. PERTUKARAN DAN PEMINDAHAN

Di bawah mana-mana keadaan berikut, Sijil Takaful ini tidak lagi melindungi harta benda terbabit melainkan Peserta Takaful, sebelum berlaku sebarang kerugian atau kerosakan, mendapatkan persetujuan daripada pihak Syarikat, menerusi Endorsmen ke atas Sijil Takaful ini, oleh atau bagi pihak Syarikat.

- (a) Jika perdagangan atau pengilangan yang dijalankan ditukar, atau jika jenis pekerjaan atau keadaan lain membabitkan bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi ditukar dengan cara yang boleh meningkatkan risiko kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.
- (b) Jika bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi tidak diduduki dan kekal dalam keadaan sedemikian untuk tempoh melebihi tiga puluh (30) hari.
- (c) Jika harta benda yang dilindungi dipindahkan ke mana-mana bangunan atau tempat selain daripada yang dinyatakan sebagai dilindungi di dalam ini.
- (d) Jika kepentingan terhadap harta benda yang dilindungi berpindah daripada Peserta Takaful selain daripada disebabkan wasiat atau penguatkuasaan undang-undang.
- (e) Jika notis pindah atas perintah Pihak Berkuasa tempatan untuk pengambilan atau pemerolehan tanah yang menempatkan harta benda yang dilindungi telah dikeluarkan.

9. PEMBATALAN

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta Takaful, di mana pihak Syarikat akan membayar wang pulangan Sumbangan Takaful mengikut kaedah pro rata untuk tempoh yang belum luput. Sijil Takaful ini juga boleh ditamatkan atas sebarang sebab menurut pilihan pihak Syarikat dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta Takaful di alamat terakhir yang diketahui. Dalam keadaan ini, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik kerugian-kerugian yang tertanggung seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Nota: Yuran pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Peserta Takaful.

10. PERBELANJAAN

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

11. PEMBERITAHUAN TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan Peserta Takaful hendaklah memberikan notis serta merta mengenainya kepada pihak Syarikat dan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlaku kerugian atau kerosakan, atau tempoh lanjutan yang pihak Syarikat benarkan secara bertulis untuk tujuan tersebut, hendaklah menghantar kepada pihak Syarikat

- (a) Tuntutan secara bertulis bagi kerugian atau kerosakan, mengandungi butiran teliti yang dibuat dengan wajar dan munasabah kesemua barangan atau item harta benda yang rosak atau musnah, dan jumlah kerugian atau kerosakan masing-masing, berasaskan nilai pada masa kerugian atau kerosakan, tidak termasuk sebarang jenis keuntungan; dan
- (b) Butiran semua Takaful/Insurans lain, jika ada.

Peserta Takaful hendaklah juga pada setiap masa atas perbelanjaan diri sendiri, mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada pihak Syarikat kesemua butiran lanjut, pelan, spesifikasi, buku, baucar, invois, pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berkaitan tuntutan serta punca dan sebab kebakaran dan keadaan yang mencetuskan kerugian atau kerosakan yang berlaku, dan sebarang perkara yang menyentuh liabiliti atau jumlah liabiliti pihak Syarikat yang secara munasabah diperlukan oleh atau bagi pihak Syarikat bersama dengan akuan bersumpah atau dalam bentuk lain yang sah di sisi undang-undang tentang kebenaran tuntutan dan tentang sebarang perkara berkaitan dengannya.

Tiada tuntutan di bawah Sijil Takaful ini akan dibayar melainkan terma syarat ini telah dipatuhi.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

12. PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

13. PERLUASAN

Perlindungan di bawah Sijil Takaful ini diluaskan untuk meliputi:

- (a) gaji kakitangan Peserta Takaful selain anggota pasukan bomba sepenuh masa.
- (b) kos menggantikan peralatan memadam api dan kemusnahan atau kerosakan kepada bahan-bahan (termasuk pakaian dan barangan peribadi kakitangan) melainkan jika tidak dilindungi secara khusus.
- (c) caj yang dikenakan oleh pasukan bomba.

DENGAN SYARAT liabiliti pihak Syarikat berhubung dengan gaji, kos dan caj tersebut hendaklah terhad kepada perbelanjaan yang perlu dan munasabah untuk ditanggung dalam memadamkan kebakaran di lokasi atau bersebelahan harta yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini atau yang secara nyata mengancam harta tersebut.

14. KESELURUHAN AMAUN PERLINDUNGAN

Liabiliti pihak Syarikat dalam apa-apa keadaan sekalipun tidak boleh melebihi Amaun Perlindungan berkenaan dengan setiap perkara yang dinyatakan di dalam Jadual atau dalam keseluruhan Amaun Perlindungan ini atau apa-apa jumlah wang atau jumlah wang lain yang boleh diganti dengannya melalui Endorsmen ke atasnya atau dilampirkan kepada perjanjian ini dan ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat.

15. HAK UNTUK MEMASUKI

Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini, Syarikat boleh:

- (a) memasuki dan mengambil dan memegang hak milik bangunan atau Premis di mana kerugian atau kerosakan telah berlaku.
- (b) mengambil atau meminta penghantaran mana-mana harta benda Peserta Takaful di dalam bangunan atau di dalam Premis pada masa berlaku kerugian atau kerosakan.
- (c) menyimpan sebarang harta benda sedemikian dan memeriksa, menyusun, mengatur, mengeluarkan, mengendalikan atau selainnya berurusan dengan yang sama.
- (d) menjual mana-mana harta benda tersebut atau melupuskannya bagi pihak yang berkenaan.

Kuasa yang diberikan oleh Syarat ini boleh digunakan oleh Syarikat pada bila-bila masa hingga notis bertulis diberikan oleh Peserta Takaful bahawa beliau tidak membuat sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini atau, jika sebarang tuntutan dibuat, sehingga tuntutan tersebut akhirnya ditentukan atau ditarik balik, dan Syarikat tidak akan menerusi sebarang tindakan yang dilakukan untuk menggunakan atau dianggap menggunakan kuasa di bawah ini, menanggung sebarang liabiliti kepada Peserta Takaful atau mengurangkan hak untuk bergantung kepada mana-mana syarat Sijil Takaful ini bagi menangani sebarang tuntutan.

Jika Peserta Takaful atau sesiapa bagi pihak beliau tidak mematuhi keperluan Syarikat atau menyekat atau menghalang Syarikat daripada melaksanakan kuasanya di bawah ini, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

Peserta Takaful dalam apa-apa keadaan sekalipun tidak berhak untuk meninggalkan mana-mana harta kepada pihak Syarikat sama ada telah diambil milik oleh pihak Syarikat atau tidak.

16. PENIPUAN

Jika tuntutan yang dibuat didapati melibatkan penipuan dalam apa jua hal, atau jika sebarang perakuan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika sebarang cara atau kaedah melibatkan penipuan digunakan oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak beliau untuk mendapatkan sebarang Manfaat di bawah Sijil Takaful ini; atau, jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan oleh tindakan disengajakan, atau dengan kerjasama Peserta Takaful; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan tindakan atau saman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan, atau (dalam kes membabitkan Penimbangtaraan Sijil Takaful) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbang Tara atau para Penimbang Tara membuat keputusan, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

17. MEMBAIK PULIH DAN PENGGANTIAN

Pihak Syarikat boleh atas pilihannya untuk memulihkan atau menggantikan harta benda yang rosak atau musnah, atau mana-mana bahagiannya, dan bukan membayar jumlah kerugian atau kerosakan, atau menyertai mana-mana Pengendali Takaful atau Pengeluar Insurans lain dalam berbuat demikian; tetapi pihak Syarikat tidak terikat untuk memulihkan betul-betul seperti yang asal atau sepenuhnya, tetapi hanya seperti yang dibenarkan oleh keadaan dan dengan cara yang secukupnya dan sewajarnya, dan dalam apa jua keadaan pihak Syarikat tidak terikat untuk membelanjakan lebih daripada kos yang sepatutnya untuk memulihkan harta benda kepada keadaan pada masa kerugian atau kerosakan berlaku, mahupun lebih daripada Amaun Perlindungan oleh pihak Syarikat.

Jika pihak Syarikat membuat keputusan untuk memulihkan atau menggantikan mana-mana harta benda Peserta Takaful hendaklah, atas perbelanjaan sendiri, menyediakan untuk pihak Syarikat pelan, spesifikasi, ukuran, kuantiti, dan butiran lain yang mungkin pihak Syarikat perlukan

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

dan tiada tindakan yang dilakukan, atau berlaku kerana pihak Syarikat dengan matlamat untuk memulihkan atau menggantikan boleh dianggap sebagai pilihan binaan oleh pihak Syarikat untuk memulihkan atau menggantikan.

Jika dalam apa jua keadaan, pihak Syarikat tidak dapat memulihkan atau membaiki harta yang dilindungi, disebabkan oleh sebarang peraturan perbandaran atau peraturan lain yang berkuat kuasa membabitkan penjajaran jalan, atau pembinaan bangunan, atau yang lain, pihak Syarikat akan, dalam apa jua keadaan, hanya bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang diperlukan untuk memulihkan atau membaiki harta benda tersebut jika ia boleh dipulihkan kepada keadaan asalnya secara sah di sisi undang-undang.

18. NILAI PASARAN

Pihak Syarikat akan mengganti rugi Peserta Takaful nilai yang dilindungi atau Nilai Pasaran bagi harta yang dilindungi yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang Ekses.

Nilai Pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh pihak Syarikat daripada:

- (a) Pembuat, atau
- (b) Ejen tunggal yang sah atau ejen, atau
- (c) Broker yang sah, pengedar yang sah, atau
- (d) Kontraktor bangunan, atau
- (e) Penyelaras kerugian berlesen di bawah Akta Takaful 1984, atau
- (f) Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang dilantik secara bersama di antara Peserta Takaful dan pihak Syarikat.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap pihak Syarikat.

19. SUBROGASI

Pihak Syarikat berhak untuk melaksanakan di atas nama Peserta Takaful dan bagi pihak Peserta Takaful:

- (a) pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- (b) mendapatkan kembali pampasan atau gantirugi dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat pihak Syarikat sendiri.

20. PURATA

Jika Nilai Pasaran harta yang dilindungi pada masa sebarang kerugian berlaku, secara kolektif memiliki nilai yang lebih besar daripada Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, maka Peserta Takaful hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang dilindungi.

21. BAYARAN AMAUN PERLINDUNGAN

Selepas sesuatu kerugian, jumlah penuh Amaun Perlindungan di bawah Sijil Takaful ini hendaklah dikekalkan.

Peserta Takaful dikehendaki untuk membayar Sumbangan Takaful tambahan secara pro-rata berdasarkan jumlah kerugian yang dihitung dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamat Tempoh Takaful.

22. PENIMBANGTARAAN

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai jumlah kerugian dan kerosakan di antara Peserta Takaful dan pihak Syarikat, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh Peserta Takaful dan pihak Syarikat. Jika Peserta Takaful dan pihak Syarikat tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua (2) bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak Peserta dan pihak Syarikat layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang Wasit untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan anugerah hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat anugerah.

Peserta Takaful dan pihak Syarikat dengan jelas bersetuju bahawa anugerah oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum Peserta Takaful boleh memulakan prosiding guaman terhadap pihak Syarikat.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

23. PENGEHADAN

Dalam apa jua keadaan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan setelah berlakunya kerugian atau kerosakan melainkan tuntutan tertakluk kepada tindakan yang akan diambil atau penimbangtaraan.

24. PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL

Sumbangan Takaful yang diperuntukkan oleh Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam Ta'awuni Account Pool (TAP) untuk membayar Yuran Wakalah kepada Dana Pemegang Saham dan Tabarru' kepada Dana Risiko. Pihak Syarikat akan menguruskan TAP mengikut prinsip Wakalah yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat dan selaras dengan prinsip Syariah.

Pihak Syarikat akan mengenakan yuran Wakalah sehingga 60% daripada Sumbangan Takaful pada permulaan tempoh Sijil Takaful berkuat kuasa dan baki Sumbangan Takaful akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.

25. LEBIHAN

Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan dikekalkan di dalam Dana Risiko atau didermakan untuk tujuan amal bagi pihak Peserta Takaful. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Pembiayaan tersebut akan menjadi caj utama ke atas lebihan daripada Dana Risiko pada masa depan. Sekiranya defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kelalaian pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan kestabilan dana melalui kaedah pindahan secara langsung (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

26. KEPATUHAN DAN KETEPATAN TERHADAP SYARAT-SYARAT

Mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan Endorsmen yang terkandung di dalam Sijil Takaful setakat mana ia berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu dilaksanakan atau dipatuhi oleh Peserta Takaful adalah tanggungjawab Peserta Takaful, dan ketelusan di dalam pernyataan mahupun perakuan di dalam Borang Cadangan menjadi pra-syarat untuk sebarang pembayaran pampasan oleh pihak Syarikat.

27. UNDANG-UNDANG

Sijil Takaful ini termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia atau perundangan subsidiari lain, peraturan, arahan atau perintah daripada penguasa peraturan lain yang berkenaan.

28. KETEPATAN MASA

Masa, di mana-mana jua disebutkan di dalam Sijil Takaful ini, menjadi intipati perjanjian.

29. PENGLIBATAN PIHAK KETIGA

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

30. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

PENGECUALIAN

1. Sijil Takaful tidak merancang untuk dan tidak melindungi:

- (a) Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
- (b) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selaras dengan Pengecualian 2(f) atau melalui proses menjalani pemanasan atau pengeringan.
- (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran harta melalui perintah mana-mana pihak berkuasa awam.
- (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada kebakaran bawah tanah.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- (e) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang antaranya disebabkan oleh bahan senjata nuklear.
- (f) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses yang mampan diri pembelahan nuklear.

2. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara khusus di dalam Sijil Takaful ini tidak melindungi:

- (a) Barangan yang dipegang atas amanah atau berasaskan komisen.
- (b) Jongkong emas atau permata berharga belum berikat.
- (c) Sebarang barang aneh atau hasil kerja seni bagi jumlah melebihi RM500.
- (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau rekaan, corak, model atau acuan.
- (e) Sebarang jenis sekuriti, tanggungan atau dokumen, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.
- (f) Batu arang, daripada kerugian atau kerosakan yang berlaku disebabkan oleh pembakaran secara tiba-tiba.
- (g) Bahan letupan.
- (h) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada letupan; tetapi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan gas yang digunakan untuk pencahayaan atau tujuan domestik dalam bangunan yang tidak memiliki bekalan gas dan tidak membentuk sebahagian daripada mana-mana kerja gas, akan dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dalam erti kata Sijil Takaful ini; atau
- (i) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada pembakaran hutan, belukar, lalang, padang rumput, pampas atau rimba, sama ada tidak disengajakan atau sebaliknya, dan pemugaran tanah secara pembakaran.

3. Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi, yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana daripada kejadian berikut, iaitu

- (a) Gempa bumi, letupan gunung berapi atau atau gegaran alam yang lain.
- (b) Taufan, hurikan, puting beliung, silkon atau gangguan atmosfera lain.
- (c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
- (d) Dahagi, rusuhan, ketenteraan atau kebangkitan awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasam kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau sebarang peristiwa atau sebab di mana untuk menentukan atau pembaikan terhadap pasukan ketenteraan atau operasi ketenteraan di sesebuah kawasan.
- (e) Sebarang kegiatan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan keganasan membawa maksud tindakan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan dan/atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, atau berkaitan dengan politik, agama, ideologi atau seumpamanya, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.

Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian yang tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, melainkan setakat mana yang anda dapat membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah berlaku secara berasingan daripada keadaan luar biasa tersebut.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Syarikat mendakwa bahawa sebab peruntukan dalam syarat ini apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Takaful ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Peserta Takaful.

4. Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang liabiliti bagi:

Kerugian akibat kemusnahan atau kerosakan disebabkan pencemaran atau kontaminasi kecuali (melainkan dikecualikan) kemusnahan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi adalah disebabkan oleh:

- (a) pencemaran atau kontaminasi yang dengan sendirinya adalah akibat kejadian luar jangka yang dilindungi.
- (b) sebarang kejadian luar jangka yang dilindungi yang dengan sendirinya adalah akibat daripada pencemaran atau kontaminasi.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

5. Sijil Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta yang, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian, dilindungi oleh atau jika tidak kerana kewujudan Sijil Takaful ini, dilindungi oleh mana-mana Sijil Marin atau Polisi Insurans kecuali berkenaan sebarang Ekses yang melebihi jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Marin atau Polisi Insurans bila mana Sijil Takaful ini tidak dikuat kuasakan.

WARANTI

Sijil Takaful ini adalah tertakluk kepada Waranti-waranti yang berikut:

• **Waranti Pembatasan Barang Dagangan**

Tiada bahagian Premis ini yang digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan dalam Tempoh Takaful.

• **Waranti Sumbangan Takaful**

Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful ini akan terbatal secara automatik dan pihak Syarikat memiliki hak terhadap Sumbangan Takaful pro-rata bagi tempoh dimana Syarikat menyediakan perlindungan.

Jika Sumbangan Takaful yang perlu dibayar diterima oleh ejen yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat, pembayaran itu dianggap telah diterima oleh pihak Syarikat untuk tujuan waranti ini.

Tanggungjawab bagi membuktikan bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan Takaful itu, terletak di tangan pihak Syarikat.

Nota: Terdapat Fasal Peril/ Endorsmen dan/atau Waranti lain yang hanya digunakan kepada Sijil Takaful ini apabila dinyatakan secara spesifik di dalam Jadual dan selainnya tertakluk kepada terma-terma Sijil Takaful ini.

SIJIL TAKAFUL INI DAN SEMUA SYARAT HENDAKLAH DITELITI SEBAIK SAHAJA DITERIMA OLEH PESERTA TAKAFUL DAN JIKA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN DENGAN SEGERA UNTUK PEMBETULAN. DAN LANGGANAN YANG BERTERUSAN OLEH PESERTA TAKAFUL TERHADAP PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL INI DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN PESERTA TAKAFUL UNTUK DIIKAT DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SIJIL TAKAFUL INI.

NOTIS PENTING

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang Kami berikan kepada pelanggan Kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan Kami untuk mengekalkan standard terbaik. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak Kami, sila utarakan kepada Kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696
Faks: +603-27239998

Emel: complaints@takaful-ikhlas.com.my

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tingkat 9, Menara 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kami akan memastikan masalah Anda dikaji secara komprehensif. Sekiranya Anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka Anda boleh merujuk kes Anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

<p>Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel : 603-2272 2811 Faks: 603-2272 1577 Emel: enquiry@ofs.org.my Laman sesawang: www.ofs.org.my</p>	<p>Contact Centre (BNMTELELINK) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia Peti Surat 10922 50929 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) Fax : 03-21741515 E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
--	---

FASAL-FASAL

Fasal-fasal berikut hanya sah bagi Sijil Takaful ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan adalah tertakluk selainnya pada terma-terma Sijil Takaful ini.

FC1. FASAL PEMINDAHAN SEMENTARA

a) Kandungan Rumah Kediaman Persendirian

Harta yang dilindungi di bawah (butiran....) yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini adalah dilindungi ketika dipindahkan sementara termasuk ketika di dalam transit tetapi masih berada di dalam Malaysia, Republik Singapura dan Brunei Darussalam untuk jumlah tidak melebihi 15% dari Amaun Perlindungan di bawah (setiap satu butiran daripada) Sijil Takaful ini.

Amaun yang boleh diperolehi semula di bawah perluasan ini terhadap (setiap satu butiran daripada) Sijil Takaful ini tidak boleh melebihi amaun yang mungkin boleh diperolehi semula sekiranya kerugian berlaku di Premis yang mana harta telah dipindahkan untuk sementara.

Perluasan ini tidak terpakai kepada harta setakat yang dilindungi atau harta dipindahkan untuk jualan atau untuk pameran atau ke tempat simpanan perabot.

N.B. Perkataan di dalam kurungan boleh diabaikan apabila perlu.

b) Harta Lain Kecuali Stok Dagangan dan Barangan Perniagaan

Harta yang dilindungi di bawah butiran.... Sijil Takaful ini dilindungi (terhad kepada 10% daripada Amaun Perlindungan) ketika dipindahkan sementara untuk pembersihan, pengubahsuaian, modifikasi, pembaikan atau tujuan lain yang serupa di tempat lain di dalam Premis yang sama atau ke mana-mana Premis lain dan ketika dalam transit kepadanya dan daripadanya melalui jalanraya, rel atau laluan jalan air pedalaman Malaysia, Republik Singapura dan Brunei Darussalam.

Amaun yang boleh diperolehi semula di bawah perluasan ini terhadap harta benda yang dipindahkan tidak boleh melebihi amaun yang mungkin boleh diperolehi semula sekiranya kerugian berlaku di sebahagian Premis yang mana harta telah dipindahkan untuk sementara.

Perluasan ini tidak boleh terpakai kepada harta benda jika dan sekiranya ia dilindungi, mahupun terpakai kepada item yang melindungi stok dan segala barangan perniagaan, mahupun melibatkan kerugian yang berlaku di tempat lain selain daripada Premis yang mana harta benda itu telah dipindahkan untuk sementara kepada:

- i) Kenderaan Bermotor dan Casis Bermotor
- ii) Harta benda (selain dari mesin dan loji) dipegang oleh Peserta Takaful sebagai amanah.

FC2. PEMBERSIHAN PUIING

a) Pembersihan Puing (dengan Amaun Perlindungan berasingan)

Perlindungan Takaful pada item yang termasuk kos dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Peserta Takaful dengan kebenaran Syarikat bagi:-

- (a) Pembersihan Puing
- (b) menanggalkan dan/atau merobohkan
- (c) memperkukuh atau memperkuat bahagian harta benda yang dilindungi bagi Sijil Takaful ini yang musnah atau rosak akibat kebakaran atau sebarang Peril lain yang dilindungi. (Perkara (b) dan (c) di atas adalah dianggap sebagai terbatal sekiranya bangunan atau mesin tidak dilindungi).

Pihak Syarikat tidak akan membayar sebarang kos atau perbelanjaan

- (i) yang bertanggung untuk membuang serpihan keculi dari tapak harta benda yang musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak.
- (ii) yang timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta benda yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini.

b) Pembersihan Puing (tanpa Amaun Perlindungan berasingan)

Perlindungan Takaful untuk Butiran No. dengan ini termasuk kos dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Peserta Takaful dengan kebenaran pihak Syarikat bagi:-

- (a) Pembersihan Puing
- (b) menanggalkan dan/atau merobohkan
- (c) memperkukuh atau memperkuat

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

bahagian harta benda yang dilindungi bagi item di atas yang dinyatakan dalam Sijil Takaful ini yang musnah atau rosak akibat kebakaran atau sebarang Peril lain yang dilindungi. (Perkara (b) dan (c) di atas dianggap sebagai terbatal sekiranya bangunan atau mesin tidak dilindungi).

Jumlah yang boleh dibayar bagi kos dan perbelanjaan sedemikian adalah tidak melebihi 10% daripada Amaun Perlindungan bagi setiap Item atau secara agregat dua juta Ringgit Malaysia (RM2,000,000) bagi mana-mana satu kerugian, yang mana lebih rendah.

Syarikat tidak akan membayar sebarang kos atau perbelanjaan:

- (i) yang ditanggung untuk membersihkan puing kecuali dari tapak harta benda yang musnah atau rosak dan kawasan betul-betul di sebelah tapak.
- (ii) yang timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta benda yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini.

Dengan syarat dalam segala hal liabiliti maksimum Syarikat tidak melebihi jumlah dinyatakan dalam Jadual bagi Item(s) yang dilindungi.

FC3. YURAN ARKITEK, JURUUKUR, DAN JURUTERA PERUNDING

- a) **Yuran Arkitek, Juruukur, dan Jurutera Perunding (dengan Amaun Perlindungan berasingan) diterima pakai untuk item (s) no (s):**

Perlindungan Takaful melalui item ini berkaitan dengan yuran Arkitek, Juruukur Bahan dan Jurutera Perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang perlu ditanggung untuk pemulihan harta benda yang dilindungi selepas kemusnahan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau bahaya lain yang dilindungi, tetapi bukan yuran untuk menyediakan sebarang tuntutan di bawah ini. Jumlah yang boleh dibayar untuk yuran sedemikian hendaklah tidak melebihi yuran yang dibenarkan di bawah skala yuran Persatuan profesion masing-masing yang berkuat kuasa pada masa kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had Amaun Perlindungan pada item-item ini.

- b) **Yuran Arkitek, Juruukur, dan Jurutera Perunding (tanpa Amaun Perlindungan berasingan)**

Perlindungan Takaful ke atas bangunan, kilang dan mesin yang dengan ini dilindungi termasuk yuran Arkitek, Juruukur Bahan dan Jurutera Perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang perlu ditanggung untuk pemulihan harta benda yang dilindungi selepas kemusnahan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau bahaya lain yang dilindungi, tetapi bukan yuran untuk menyediakan sebarang tuntutan di bawah ini. Jumlah yang boleh dibayar untuk yuran sedemikian hendaklah tidak melebihi yuran yang dibenarkan di bawah skala yuran Persatuan profesion masing-masing yang berkuat kuasa pada masa kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada liabiliti maksimum syarikat bagi sebarang kerugian, kerosakan dan yuran tidak melebihi Amaun Perlindungan bagi setiap item.

FC4. FASAL KANDUNGAN LAIN

Adalah dipersetujui terma "Kandungan Lain" di dalam ini setakat ini tidak dilindungi adalah termasuk:-

- a) Wang dan setem yang tidak khusus dilindungi bagi jumlah yang tidak melebihi RM
- b) Dokumen, manuskrip dan buku-buku perniagaan tetapi hanya untuk nilai barangan seperti alat tulis, bersama dengan kos kerja kerani yang dipanjangkan di dalam penulisan, dan bukan untuk nilai kepada Peserta Takaful tentang maklumat yang terkandung di dalamnya dan bagi jumlah tidak melebihi RM..... berkenaan mana-mana satu dokumen, manuskrip atau buku perniagaan.
- c) Rekod sistem komputer tetapi hanya untuk nilai barangan berserta dengan kos kerja kerani dan waktu komputer yang digunakan untuk penghasilan semula rekod tersebut (tidak termasuk apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan pengeluaran maklumat yang direkodkan di dalamnya) dan bukan untuk nilai kepada Peserta Takaful tentang maklumat yang terkandung di dalamnya untuk amaun tidak melebihi RM.....
- d) Corak, model, acuan, pelan dan reka bentuk, bagi jumlah tidak melebihi RM..... berkenaan dengan mana-mana satu corak, model, acuan rancangan atau reka bentuk.
- e) Pedal kitaran pekerja, pakaian, peralatan dan lain-lain kesan peribadi bagi jumlah tidak melebihi RM berkenaan kakitangan mana-mana satu.

Nota: Had kewangan RM1,000 maksimum untuk perkara (a) hingga (e) adalah wajib. Perenggan (e) boleh diabaikan sepenuhnya jika ia tidak diingini untuk melindungi harta itu.

FC5. FASAL MODAL TAMBAHAN

Perlindungan Takaful ini diperluaskan untuk melindungi pengubahsuaian, tambahan dan penambahbaikan (tetapi tidak kenaikan nilai Ekses daripada Amaun Perlindungan) kepada harta yang dinyatakan dalam (Item No) perakuan ini untuk jumlah yang tidak melebihi 10% daripada Amaun Perlindungan berkenaan dengan setiap perkara atau setiap item atau RM1,000,000 setiap lokasi yang mana lebih kurang.

Peserta Takaful bertanggungjawab untuk memaklumkan Syarikat setiap tiga (3) bulan pengubahsuaian, tambahan dan penambahbaikan itu dan dikehendaki membayar Sumbangan Takaful tambahan yang sesuai.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Fasal ini tidak berkuat kuasa jika pengisytiharan terhadap pengubahsuaian, tambahan dan penambahbaikan tidak diterima oleh Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pengubahsuaian, tambahan dan penambahbaikan.

Bagi tujuan Fasal ini, tarikh bermulanya di bawah Waranti Sumbangan Takaful hendaklah disifatkan sebagai tarikh pengisytiharan yang diterima oleh pihak Syarikat.

Nota: Sekiranya bahawa terdapat lebih daripada satu lokasi, maka had boleh dinaikkan kepada RM2,000,000, amau ini menjadi had agregat untuk semua lokasi itu.

FC6. FASAL PENERIMA GADAI JANJI (PEMEGANG GADAIAN)

A. Fasal 1 Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian)

Kerugian, jika ada, dibayar sebagai Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) di mana hak kepentingan mungkin wujud dalam Sijil Takaful ini akan dibuat setakat kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dan tidak akan terjejas atas perbuatan atau kecuaiannya Penggadai Janji (Penggadai) atau Pemilik harta tersebut atau mana-mana perampasan atau prosiding lain atau notis penjualan harta benda tersebut atau penggunaan bangunan tersebut bagi tujuan yang lebih berbahaya daripada yang dibenarkan oleh Sijil Takaful ini atau dalam keadaan ia tidak digunakan, atau apa-apa tambahan risiko yang berlaku terhadap harta yang dilindungi, Tertakluk bahawa sekiranya Penggadai Janji (Penggadai) atau Pemilik harta gagal membayar apa-apa Sumbangan Takaful yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayarnya. Tertakluk juga bahawa Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) akan memberitahu Syarikat jika harta yang dilindungi tidak didiami atau apa-apa penukaran hak milik atau penggunaan atau bertambahnya bahaya yang telah sampai kepada pengetahuan Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) kecuali ianya dibenarkan dan dicatat di dalam Sijil Takaful ini dan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayar Sumbangan Takaful untuk penambahan bahaya tersebut jika tidak Sijil Takaful ini akan dianggap batal dan tidak sah.

Dan seterusnya dipersetujui bahawa apabila Syarikat membayar Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) tersebut apa-apa jumlah yang berhubung dengan kerugian atau kerosakan di bawah Sijil Takaful ini dan menganggap tiada lagi liabiliti yang wujud ke atas Penggadai Janji (Penggadai) atau Pemilik harta, Syarikat berhak di bawah undang-undang ke atas semua hak gadaian setakat had bayaran tersebut dan tidak sehingga merosakkan hak Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) untuk memperoleh kembali jumlah penuh apa-apa tuntutan yang mungkin ada pada Penggadai Janji (Penggadai) tersebut Pemilik harta atau mana-mana Peserta Takaful di bawah ini atau daripada mana-mana sekuriti atau dana yang ada.

Fasal Tidak Boleh Batal

Dan seterusnya dipersetujui bahawa pembatalan Sijil Takaful ini tidak boleh dibuat oleh Peserta Takaful kecuali pemberitahuan terlebih dahulu kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) secara bertulis memberi notis empat belas (14) hari kepada alamat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang terakhir diketahui.

Nota: Apabila kepentingan adalah melibatkan Pemegang Gadaian dan Pemberi Gadaian maka perkataan dalam kurungan akan bermaksud sebagai Penerima Gadai Janji dan Pemberi Gadai Janji.

B. Fasal 2 Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian)

Adalah dipersetujui bahawa perlindungan Takaful ini {atas kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian)} tidak terbatal oleh apa-apa perubahan dalam penggunaan atau peningkatan risiko ke atas harta yang dilindungi tanpa pengetahuan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dengan syarat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah memberi notis kepada Syarikat dan membayar Sumbangan Takaful tambahan (jika ada) yang dikehendaki oleh Syarikat dari tarikh peningkatan risiko tersebut.

Fasal Tidak Boleh Batal

Dan seterusnya dipersetujui bahawa pembatalan Sijil Takaful ini tidak boleh dibuat oleh Peserta Takaful kecuali pemberitahuan terlebih dahulu kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) secara bertulis memberi notis empat belas (14) hari kepada alamat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang terakhir diketahui.

Nota: Apabila kepentingan adalah melibatkan Pemegang Gadaian dan Pemberi Gadaian maka perkataan dalam kurungan akan bermaksud sebagai Penerima Gadai Janji dan Pemberi Gadai Janji.

FC7. HARGA KONTRAK

Tanpa mengambil kira apa-apa Syarat 15 yang bertentangan dalam Sijil Takaful, dengan ini diperakui dan di persetujui bahawa hanya berkaitan dengan barang jualan tetapi tidak diterima yang mana Peserta Takaful yang bertanggungjawab dan berkenaan dengan syarat jualan dibawah ini, kontrak jualan dibatalkan dengan sebab kebakaran atau sebarang Peril lain dengan ini dilindungi, sama ada keseluruhannya atau sekatan kepada kerugian atau kerosakan, liabiliti pihak Syarikat berdasarkan harga kontrak, dan untuk tujuan pengiraan semua barangan yang mana fasal dalam kejadian kemusnahan atau kerosakan melaksanakan asas sama yang akan digunakan.

FC8. PENGECUALIAN TAPAK BANGUNAN

Perlindungan Takaful ke atas bangunan tidak termasuk mana-mana bahagian bangunan yang lebih rendah daripada permukaan bawah* tingkat terbawah sekali (dan bahagian tapak konkrit untuk alatan mesin yang mengatasi paras sedemikian).

Nota 1: * "atas" boleh digunakan untuk mengganti "bawah".

Nota 2: Perkataan di dalam kurungan boleh diabaikan.

FC9. SEWA

(a) Sewa (digunapakai kepada pemilik bukan penghuni Premis)

Untukbulan sewa dilindungi. Amaun Perlindungan: RM

Perlindungan Takaful untuk Sewa ini digunapakai jika (mana-mana) bangunan atau bahagian yang tidak layak untuk diduduki akibat dari kebakaran atau mana-mana Peril yang dilindungi dan amaun yang perlu dibayar hendaklah tidak melebihi bahagian Amaun Perlindungan ke atas Sewa oleh sebab tempoh baik pulih atau pengembalian semula bergantung kepada jumlah bulan Sewa yang dilindungi.

(b) Sewa (diguna pakai kepada penghuni pemilik Premis)

Untukbulan sewa dilindungi. Amaun Perlindungan: RM

Perlindungan Takaful untuk Sewa ini diguna pakai jika (mana-mana) bangunan atau bahagian yang tidak layak untuk diduduki akibat dari kebakaran atau mana-mana Peril yang dilindungi dan amaun yang perlu dibayar hendaklah perbelanjaan tambahan yang munasabah semestinya tertanggung oleh pihak yang dilindungi untuk menyewa Premis di tempat lain sebagai alternatif. Dengan syarat jumlah amaun dibayar tidak boleh melebihi perbelanjaan yang dilindungi oleh sebab tempoh baik pulih atau pengembalian semula bergantung kepada jumlah bulan perbelanjaan yang dilindungi.

FC10. REKOD SISTEM KOMPUTER

Rekod sistem komputer dilindungi hanya ke atas nilai bahan berserta kos kerja kerani dan waktu komputer yang digunakan untuk penghasilan semula rekod tersebut (tidak termasuk perbelanjaan yang berkaitan dengan penghasilan maklumat yang perlu direkodkan) dan bukan atas nilai maklumat yang terkandung di dalamnya.

FC11. FASAL PENJENISAN

Bagi tujuan untuk menentukan jika perlu butiran (tajuk ruang) di bawah mana-mana harta dilindungi, pihak Syarikat bersetuju untuk menerima penjenisan harta sedemikian yang tercatat dalam buku Peserta Takaful.

FC12. PAJAK GADAI

Sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan kepada barangan yang dicagarkan (iaitu barangan atau hutang yang akan dibayar) oleh kebakaran atau sebarang Peril lain yang dilindungi pada jumlah bayaran tidak melebihi jumlah Ekses oleh Peserta Takaful pada apa-apa barangan tambahan 25% dan nilai semua barangan yang diliputi fasal ini akan dikira pada asas yang sama.

FC13. FASAL PENINGKATAN

Sebagai pertimbangan kepada pembayaran Sumbangan Takaful tambahan berjumlah 50% daripada Sumbangan Takaful yang dikeluarkan dari lingkungan peratusan pertama yang ditetapkan atau Sumbangan Takaful tahunan sebagai kesesuaian terhadap item, Amaun Perlindungan, keadaan semasa tempoh Takaful, kadar 1/365 merupakan jumlah daripada peningkatan harian peratusan yang ditetapkan setiap tahun.

Nombor Item	Peningkatan Peratusan Tertentu Setiap Tahun

Melainkan jika sebaliknya dipersetujui, peruntukan bertentangan dengan Fasal ini hendaklah hanya terpakai kepada Amaun Perlindungan yang berkuat kuasa pada permulaan setiap Tempoh Takaful.

Pada setiap tarikh pembaharuan Peserta Takaful mestilah memberitahu Pengendali Takaful:-

- i) Amaun Perlindungan di bawah setiap item di atas, tetapi dalam ketiadaan arahan sedemikian jumlah wang yang dilindungi oleh perkara-perkara di atas adalah seperti yang dinyatakan pada Sijil Takaful (seperti yang dipinda dengan mana-mana Endorsmen yang berkuat kuasa sebelum tarikh pembaharuan tersebut) yang mana akan ditambah kenaikannya yang terakru di bawah fasal ini dalam Tempoh Takaful sehingga tarikh pembaharuan itu, dan
- ii) peningkatan peratusan yang dinyatakan yang diperlukan bagi dalam Tempoh Takaful yang akan datang, tetapi jika tiada arahan

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

sebaliknya sebelum tarikh pembaharuan, kenaikan peratusan yang sedia ada hendaklah terpakai dalam Tempoh Takaful bermula dari tarikh pembaharuan.

Semua syarat Sijil Takaful kecuali setakat mana ianya mungkin secara jelas berbeza hendaklah terpakai seolah-olah ianya telah dimasukkan di sini.

FC14. FASAL TAKAFUL BERSAMA DAN PENANGGUNG TAKAFUL UTAMA

Adalah diperakui dan dipersetujui walau apapun yang terkandung dalam Sijil Takaful ini atau atas apa-apa Endorsmen yang sebaliknya merujuk kepada "pihak Syarikat" hendaklah dianggap bermaksud setiap Syarikat yang berikut bersetuju ke atas bahagian Individu yang ditetapkan bahagiannya tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat di sini atau dilampirkan atau diendorskan ke atasnya, semasa dalam Tempoh Takaful yang dinyatakan didalam Jadual Peserta Takaful hendaklah mengalami kerugian atau kerosakan dalam kejadian yang dilindungi dibawah Sijil Takaful ini mengangantirugi Peserta Takaful dalam bentuk yang dinyatakan dibawah ini: -

Syarikat	No Sijil Takaful	Bahagian	Tandatangan

Adalah diperakui dan dipersetujui walau apa pun bertentangan dengan apa yang terkandung, Penanggung Takaful Utama dibenarkan untuk menandatangani Sijil Takaful/Endorsmen/Resit Pembaharuan.

Bagi semua maksud dan tujuan, Sijil Takaful ini hendaklah berkuat kuasa seolah-olah setiap satu Pengendali Takaful yang tercatat di atas telah mengeluarkan Sijil Takaful berasingan untuk bahagian individu ke atas Amaun Perlindungan.

FC15. FASAL PEMBAHARUAN AUTOMATIK

Sijil Takaful ini dianggap diperbaharui secara automatik dan Sumbangan Takaful sewajarnya dikenakan ketika tamatnya Sijil Takaful kecuali diberitahu sebaliknya.

FC16. FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA

Tanpa mengambil kira apa-apa Syarat 15 yang bertentangan dalam Sijil Takaful, dengan ini diperakui dan di persetujui peristiwa harta benda dilindungi di bawah (perkara No.....dari) dalam Sijil Takaful ini musnah atau rosak, jumlah yang boleh dibayar di bawah (setiap jenis perkara) Sijil Takaful hendaklah dikira berasaskan kos penggantian atau pemulihan di tapak harta benda yang sama dengan bentuk atau jenis yang sama tetapi tidak lebih atau lebih besar daripada harta benda yang dilindungi semasa baru tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga kepada terma dan syarat Sijil Takaful melainkan syarat tersebut diubah.

PERUNTUKAN KHAS

1. Kerja penggantian atau pemulihan (yang boleh dilakukan di tapak lain dan dengan sebarang cara yang sesuai dengan kehendak Peserta Takaful dengan syarat liabiliti pihak Syarikat tidak ditambah) mesti dimulakan dan dijalankan dengan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan mesti disiapkan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kemusnahan atau kerosakan, atau dalam sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh pihak Syarikat (dalam dua belas (12) bulan tersebut) jika tidak sebarang bayaran melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya tidak akan dibuat.
2. Sehingga perbelanjaan telah ditanggung oleh Peserta Takaful untuk menggantikan atau memulihkan harta benda yang musnah atau rosak, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang bayaran melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya.
3. Jika pada masa penggantian atau pengembalian semula jumlah kos yang mungkin ditanggung untuk penggantian atau pengembalian semula sekiranya seluruh harta benda yang dilindungi musnah adalah melebihi Amaun Perlindungan pada masa berlaku kebakaran atau pada permulaan sebarang kemusnahan atau kerosakan harta benda tersebut yang disebabkan oleh sebarang Peril lain yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini, maka Peserta Takaful hendaklah dianggap sebagai pengeluar Takaful sendiri bagi eksekusi dan hendaklah menanggung bahagian bersekadar kerugian yang sewajarnya. Setiap item dalam Sijil Takaful (jika lebih daripada satu) yang diliputi oleh Memorandum ini hendaklah tertakluk secara berasingan kepada peruntukan di atas.
4. Memorandum ini tidak akan berkuat kuasa atau berkesan jika:
 - a) Peserta Takaful gagal memaklumkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau kerosakan, atau sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh pihak Syarikat, mengenai hasrat untuk menggantikan atau memulihkan harta benda yang musnah atau rosak.
 - b) Peserta Takaful tidak mampu atau tidak sanggup menggantikan atau memulihkan harta benda yang musnah atau rosak di tapak asal atau tapak lain.
5. Tiada apa-apa bayaran yang melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya akan dibuat sekiranya pada masa kemusnahan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dilindungi, harta

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

benda tersebut dilindungi oleh sebarang Takaful lain yang diambil oleh atau bagi pihak Peserta Takaful yang tidak memiliki syarat pemasangan semula serupa yang terkandung di dalam ini.

FC16A. FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA (HARTA HAK MILIK STRATA)

Tanpa mengambil kira apa-apa Syarat 15 yang bertentangan dalam Sijil Takaful, dengan ini diperakui dan di persetujui peristiwa harta benda dilindungi di bawah (perkara No.....dari) dalam Sijil Takaful ini musnah atau rosak, jumlah yang boleh dibayar di bawah (setiap jenis perkara) Sijil Takaful hendaklah dikira berasaskan kos penggantian atau pemulihan di tapak harta benda yang sama dengan bentuk atau jenis yang sama tetapi tidak lebih atau lebih besar daripada harta benda yang dilindungi semasa baru tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga kepada terma dan syarat Sijil Takaful melainkan syarat tersebut diubah.

PERUNTUKAN KHAS

- 1) Kerja penggantian atau pemulihan (yang boleh dilakukan di tapak lain dan dengan sebarang cara yang sesuai dengan kehendak Peserta Takaful dengan syarat liabiliti pihak Syarikat tidak ditambah) mesti dimulakan dan dijalankan dengan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan mesti disiapkan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kemusnahan atau kerosakan, atau dalam sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh pihak Syarikat (dalam dua belas (12) bulan tersebut) jika tidak sebarang bayaran melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya tidak akan dibuat.
- 2) Sehingga perbelanjaan telah ditanggung oleh Peserta Takaful untuk menggantikan atau memulihkan harta benda yang musnah atau rosak, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang bayaran melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya.
- 3) Jika Amaun Perlindungan pada masa berlaku kebakaran atau pada permulaan sebarang kemusnahan atau kerosakan harta benda tersebut yang disebabkan oleh sebarang bahaya lain yang dilindungi di bawah adalah kurang dari 85% daripada jumlah kos pada masa penggantian atau pemulihan yang mungkin ditanggung untuk penggantian atau pemulihan sekiranya seluruh harta benda yang dilindungi musnah maka Peserta Takaful hendaklah dianggap sebagai penanggung Takaful sendiri bagi perbezaan antara Amaun Perlindungan dan jumlah sepenuhnya jika harta benda dilindungi musnah dan hendaklah menanggung bahagian kerugian berkadar yang sewajarnya. Setiap item, jika lebih dari satu Sijil Takaful hendaklah diasingkan tertakluk kepada Syarat Khas.
- 4) Fasal ini tidak akan berkuat kuasa atau berkesan jika:
 - a) Peserta Takaful gagal memaklumkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau kerosakan, atau sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh pihak Syarikat, mengenai hasrat untuk menggantikan atau memulihkan harta benda yang musnah atau rosak.
 - b) Peserta Takaful tidak mampu atau tidak sanggup menggantikan atau memulihkan harta benda yang musnah atau rosak di tapak asal atau tapak lain.
- 5) Tiada apa-apa bayaran yang melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya akan dibuat sekiranya pada masa kemusnahan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dilindungi, harta benda tersebut dilindungi oleh sebarang Takaful lain yang diambil oleh atau bagi pihak Peserta Takaful yang tidak memiliki syarat pemasangan semula serupa yang terkandung di dalam ini.
- 6) Sekiranya pihak Syarikat bertanggung jawab untuk membuat apa-apa pembayaran (selain daripada bayaran yang mewakili kos untuk mengganti atau membaik pulih yang musnah atau rosak) di bawah peruntukan fasal ini pihak Syarikat akan hanya membuat bayaran mengikut Akta Hak Milik Strata 1985 dan Peraturan Hak Milik Strata (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 dan/atau pindaan seterusnya

FC17. MEMBAIK PULIH – ASAS HARI PERTAMA

Memorandum

Memorandum Asas Hari Pertama (Tidak Boleh Laras) diguna pakai kepada Butiran Nombor (Bangunan dan/atau Mesin)

1. Tanpa mengambil kira apa-apa Syarat 15 yang bertentangan dalam Sijil Takaful ini, adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Peserta Takaful telah menyatakan secara bertulis Nilai Diisytiharkan yang dimasukkan dalam butiran sedemikian yang menjadikan Memorandum ini digunapakai, pengiraan Sumbangan Takaful telah dikira sewajarnya.

“Nilai Diisytiharkan” bermaksud penaksiran Peserta Takaful ke atas kos penggantian atau pengembalian semula harta benda yang dilindungi dikira selaras dengan perenggan pembukaan Memorandum Nilai Membaik Pulih, pada paras kos yang digunapakai pada permulaan tempoh Takaful (tanpa mengambil kira faktor inflasi yang mungkin beroperasi seterusnya) bersama dengan, setakat yang disyaratkan oleh Takaful bagi butiran, kebenaran untuk:-

- (i) kos tambahan pengembalian semula mengikut kehendak Pihak Berkuasa,
- (ii) yuran profesional,
- (iii) kos pengalihan debris (puing)

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

2. Pada permulaan setiap Tempoh Takaful, Peserta Takaful hendaklah memberitahu Syarikat tentang Nilai Diisytiharkan ke atas harta yang dilindungi bagi setiap butiran. Dengan ketiadaan pengisytiharaan sedemikian pada jumlah amaun terakhir yang diisytiharkan oleh Peserta Takaful akan diambil sebagai Nilai Diisytiharkan bagi tempoh Takaful berikutnya.
3. Walau apapun sebarang indikasi am atau Endorsmen yang berlainan, pernyataan berikut digunapakai pada Peruntukan Khas 3 Fasal Nilai Membaik Pulih:-
 3. Jika pada waktu kerugian, Nilai Diisytiharkan ke atas harta yang dilindungi oleh butiran tersebut kurang daripada kos untuk penggantian atau pengembalian semula (seperti yang didefinisikan di dalam Memorandum Asas Hari Pertama) pada permulaan tempoh Takaful, maka liabiliti Syarikat ke atas apa-apa kerugian hendaklah terhad kepada bahagian yang mana Nilai Diisytiharkan menanggung kos untuk penggantian atau pengembalian semula (seperti yang didefinisikan di dalam Memorandum Asas Hari Pertama). Setiap butiran di dalam Sijil Takaful (jika melebihi daripada satu) yang menjadikan Memorandum ini digunapakai hendaklah secara berasingan dan hendaklah tertakluk kepada Peruntukan sebelum ini.

dan Peruntukan Khas 6 baru berikut dimasukkan ke dalam Fasal Nilai Pengembalian Semula

6. Sekiranya, disebabkan oleh apa-apa peruntukan khas tersebut di atas, tiada bayaran boleh dibuat melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan di sini, hak dan liabiliti Penanggung Takaful dan Peserta Takaful berhubung dengan kemusnahan atau kerosakan hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini termasuk apa-apa Syarat Purata di dalam ini, seolah-olah Memorandum ini tidak dimasukkan di sini kecuali Amaun Perlindungan hendaklah terhad kepada 120% daripada Nilai Diisytiharkan.

Memorandum

Memorandum Asas Hari Pertama (Boleh Laras) diguna pakai kepada butiran nombor (Bangunan dan/atau Mesin)

1. Peserta Takaful setelah menyatakan secara bertulis Nilai Diisytiharkan yang dimasukkan dalam setiap butiran yang Memorandum ini digunapakai, Sumbangan Takaful telah dikira sewajarnya.

"Nilai Diisytiharkan" bermaksud penaksiran Peserta Takaful ke atas kos penggantian atau pengembalian semula harta yang dilindungi dikira selaras dengan perenggan pembukaan Fasal Nilai Membaik Pulih, pada paras kos yang diguna pakai pada permulaan tempoh Takaful (tanpa mengambil kira faktor inflasi yang mungkin beroperasi seterusnya) bersama dengan, setakat yang disyaratkan oleh Takaful bagi butiran, kebenaran untuk:-

- (i) kos tambahan pengembalian semula mengikut kehendak Pihak Berkuasa,
- (ii) yuran profesional,
- (iii) kos pengalihan debris (puing)

2. Pada permulaan setiap Tempoh Takaful, Peserta Takaful hendaklah memberitahu Syarikat tentang Nilai Diisytiharkan ke atas harta yang dilindungi bagi setiap butiran. Dengan ketiadaan pengisytiharaan sedemikian, jumlah amaun terakhir yang diisytiharkan oleh Peserta Takaful akan diambil sebagai Nilai Diisytiharkan bagi Tempoh Takaful berikutnya.
3. Sumbangan Takaful berikutnya adalah sementara. Pada tamatnya setiap tempoh Takaful Sumbangan Takaful hendaklah dilaras sebanyak 50% ke atas perbezaan di antara:-

- (i) Sumbangan Takaful sementara pada permulaan tempoh dan
- (ii) Sumbangan Takaful dikira mengikut terma yang diguna pakai sepanjang tempoh penyelarasan mengikut Nilai Diisytiharkan bagi tempoh Takaful berikutnya:

4. Bagi tujuan perenggan 3 Memorandum ini sahaja:-

- (i) jika Sijil Takaful (atau mana-mana butiran) dibatalkan atau tidak diperbaharui Peserta Takaful hendak menyediakan Nilai Diisytiharkan ke atas harta benda yang dilindungi bagi setiap butiran yang dinyatakan adalah dikira mengikut perenggan 1 Memorandum ini tetapi pada paras kos yang diguna pakai pada tarikh pembatalan atau tidak diperbaharui.
- (ii) jika harta tidak dibaikpulih akibat daripada kerugian Peserta Takaful hendaklah menyediakan Nilai Diisytiharkan seolah-olah harta itu tidak rosak atau musnah.
- (iii) jika pengisytiharan Nilai Diisytiharkan tidak dikemukakan kepada Syarikat Sumbangan Takaful tambahan sebanyak 10% ke atas Sumbangan Takaful sementara hendaklah menjadi boleh bayar.

5. Walauapapun sebarang indikasi am atau Endorsmen yang berlainan, pernyataan berikut digunapakai pada Peruntukan Khas 3 Fasal Nilai Membaik Pulih:-

3. Jika pada waktu kerugian, Nilai Diisytiharkan ke atas harta benda yang dilindungi oleh butiran tersebut kurang daripada kos untuk penggantian atau pengembalian semula (seperti yang didefinisikan di dalam Memorandum Asas Hari Pertama) pada permulaan tempoh, maka liabiliti Syarikat ke atas apa-apa kerugian hendaklah terhad kepada bahagian yang mana Nilai

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Diisytiharkan menanggung kos untuk penggantian atau pengembalian semula (seperti yang didefinisikan di dalam Memorandum Asas Hari Pertama). Setiap butiran di dalam Sijil Takaful (jika melebihi daripada satu) yang menjadikan Memorandum in digunapakai hendaklah secara berasingan dan hendaklah tertakluk kepada Peruntukan sebelum ini.

dan Peruntukan Khas 6 baru berikut dimasukkan ke dalam Fasal Nilai Pengembalian Semula

6. Sekiranya, disebabkan oleh apa-apa peruntukan khas tersebut di atas, tiada bayaran boleh dibuat melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan di sini, hak dan liabiliti Syarikat dan Peserta berhubung dengan kemusnahan atau kerosakkan hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini termasuk apa-apa Syarat Purata di dalam ini, seolah-olah Memorandum ini tidak dimasukkan di sini kecuali Amaun Perlindungan hendaklah terhad kepada 120% daripada Nilai Diisytiharkan.

FC18. PEMULIHAN SEBAGAI MEMATUHI KEPERLUAN PIHAK BERKUASA AWAM

Tanpa mengambil kira apa-apa Syarat 15 yang bertentangan dalam Sijil Takaful ini, dengan ini diperakui dan di persetujui peristiwa harta benda dilindungi di bawah (perkara No.....dari) Sijil Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kos tambahan untuk memulihkan harta benda yang musnah atau rosak yang dilindungi seperti yang mungkin ditanggung semata-mata disebabkan keperluan untuk mematuhi peraturan Bangunan atau Peraturan lain yang ditetapkan atau dirangka menurut sebarang Akta Kerajaan atau Undang-Undang Kecil mana-mana Majlis Perbandaran dan Pihak Berkuasa Tempatan, dengan syarat bahawa:

- 1) Jumlah yang boleh didapati di bawah Lanjutan ini tidak termasuk:
 - a) kos yang ditanggung bagi mematuhi sebarang Peraturan atau Undang-Undang Kecil tersebut di atas:-
 - i) bagi kemusnahan atau kerosakan yang berlaku sebelum lanjutan ini diberikan,
 - ii) bagi kemusnahan atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful,
 - iii) di mana notis telah diberikan kepada Peserta Takaful sebelum berlaku kemusnahan atau kerosakan.
 - iv) bagi harta benda yang tidak rosak atau bahagian harta benda yang tidak rosak.
 - b) kos tambahan yang diperlukan untuk membetulkan harta benda yang rosak atau musnah kepada keadaan yang sama seperti baru sekiranya tidak timbul keperluan untuk mematuhi sebarang Peraturan atau Undang- Undang Kecil;
 - c) jumlah sebarang kadar, cukai, duti, pembangunan atau caj lain atau taksiran yang timbul daripada susut nilai modal yang boleh dibayar bagi harta benda atau oleh pemilik atas sebab pematuhan kepada mana-mana Peraturan dan Undang-Undang Kecil tersebut.
- 2) Kerja pemulihan mesti dimulakan dan dijalankan dengan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan mesti disiapkan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kemusnahan atau dalam sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh Syarikat (dalam dua belas (12) bulan tersebut) dan boleh dijalankan secara keseluruhan atau sebahagian di satu lagi tapak (jika diperlukan di bawah Peraturan atau Undang-Undang Kecil tersebut) tertakluk kepada liabiliti Syarikat di bawah lanjutan ini tidak ditambah.
- 3) Jika liabiliti Syarikat di bawah (mana-mana item) Sijil Takaful selain daripada lanjutan ini dikurangkan oleh pelaksanaan mana-mana terma dan syarat Sijil Takaful maka liabiliti Syarikat di bawah lanjutan ini (bagi mana-mana item tersebut) hendaklah dikurangkan secara berkadar.
- 4) Jumlah yang boleh didapati semula di bawah mana-mana item Sijil Takaful hendaklah tidak melebihi Amaun Perlindungan.
- 5) Semua syarat Sijil Takaful melainkan yang diubah secara khusus berkuat kuasa seolah-olah syarat tersebut telah dimasukkan di dalam ini.

FC19. SIJIL TAKAFUL AKUAN

Syarat Khas Untuk Sijil Takaful Akuan

- 1) Sebagai balasan Sumbangan Takaful oleh Sijil Takaful ini sementara kerana ia dikira pada 75% daripada Amaun Perlindungan dengan ini dan tertakluk kepada pelarasan pada tamat tempoh setiap Takaful:-

Peserta Takaful bersetuju untuk mengisytiharkan kepada Syarikat secara bertulis nilai stok, ditolak apa-apa Amaun Perlindungan oleh Sijil Takaful selain Sijil Takaful Akuan, atas dasar berikut iaitu (memasukkan perkataan yang sesuai mengikut Peraturan 1.25.5 Seksyen 1) dan membuat perisytiharan itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari (memasukkan hari atau tarikh yang sesuai) setiap bulan kalendar, pengisytiharan itu hendaklah ditandatangani oleh Peserta Takaful atau oleh orang yang bertanggungjawab yang diberikuasa untuk menandatangani bagi pihaknya.

Jika Sijil Takaful lain berasaskan pengisytiharaan yang melindungi stok yang dengan ini dilindungi pengisytiharan hendaklah dibuat untuk membahagikan kepada Sijil Takaful setiap bahagian nilai saham yang dilindungi di bawah Sijil Takaful Akuan itu, pro-rata ke atas amaun yang dinyatakan dalam Sijil Takaful.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Sekiranya pengisytiharan yang tidak dibuat dalam tempoh tiga puluh hari yang dinyatakan di atas maka Peserta Takaful hendaklah disifatkan telah mengisytiharkan Amaun Perlindungan dengan ini sebagai nilai berisiko.

Pada tempoh tamat setiap Tempoh Takaful, Sumbangan Takaful itu hendaklah dikira pada kadar yang terpakai pada jumlah purata yang Amaun Perlindungan, iaitu jumlah nilai diisytiharkan atau disifatkan telah diisytiharkan dibahagikan dengan bilangan pengisytiharan yang telah dibuat. Jika Sumbangan Takaful paduan lebih besar daripada Sumbangan Takaful sementara Peserta Takaful hendaklah membayar perbezaannya; jika ianya kurang perbezaan itu hendaklah dibayar balik kepada Peserta Takaful tetapi pembayaran balik itu tidak boleh melebihi 50% daripada Sumbangan Takaful sementara.

- 2) Asas nilai untuk pengisytiharan adalah Nilai Pasaran dan apa-apa kerugian seterusnya hendaklah diselesaikan di atas asas Nilai Pasaran sebaik sahaja sebelum berlaku kerugian.
- 3) Jika pada masa apa-apa kerugian, terdapat mana-mana Sijil Takaful lain yang wujud atau insurans selain dari yang diisytiharkan, sama ada dikuat kuasakan oleh Peserta Takaful atau oleh mana-mana orang atau orang lain, melindungi stok yang dengan ini dilindungi, Sijil Takaful ini hendaklah terpakai hanya bagi eksekusi nilai saham itu pada masa kerugian lebih daripada Amaun Perlindungan oleh Sijil Takaful atau insurans itu, dan Syarikat ini tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran yang kerugian yang melebihi apa-apa (atau, jika terdapat lain pengisytiharan Takaful merangkumi stok yang sama, perkadaran setimpal eksekusi itu), tetapi tidak melebihi Amaun Perlindungan dengan ini, berbanding dengan jumlah nilai saham.
- 4) Jika selepas berlakunya kerugian itu mendapati bahawa amaun yang terakhir diisytiharkan sebelum berlakunya kerugian adalah kurang daripada jumlah yang sepatutnya telah diisytiharkan, maka jumlah yang mungkin boleh diperolehi semula oleh Peserta Takaful hendaklah dikurangkan dalam apa-apa perkadaran sebagai amaun yang terakhir diisytiharkan kepada jumlah yang sepatutnya telah diisytiharkan.
- 5) Sekiranya kerugian berlaku Peserta Takaful mengaku janji untuk membayar Sumbangan Takaful tambahan pada amaun apa-apa kehilangan pro-rata dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamat tempoh Takaful, Sumbangan Takaful yang dikira pada kadar yang terpakai kepada stok yang telah musnah dan Sumbangan Takaful tambahan itu tidak boleh diambil kira, dan hendaklah berbeza dari, pelarasan akhir Sumbangan Takaful .
- 6) Sekiranya Sijil Takaful ini dibatalkan oleh Peserta Takaful semasa tempoh tersebut (sama ada stok wujud atau tidak) Sumbangan Takaful untuk disimpan oleh Syarikat hendaklah menjadi Sumbangan Takaful tempoh jangka pendek yang sesuai yang dikira atas amaun purata yang dilindungi sehingga tarikh pembatalan, atau 50% daripada Sumbangan Takaful sementara yang mana lebih tinggi; tetapi jika Sijil Takaful ini dibatalkan oleh Peserta Takaful selepas kerugian telah berlaku Sumbangan Takaful untuk disimpan oleh Syarikat hendaklah menjadi sebahagian yang pro-rata Sumbangan Takaful yang dikira atas amaun purata yang dilindungi sehingga untuk pembatalan ditambah dengan kadar pro-rata Sumbangan Takaful dari tarikh kerugian hingga tamat tempoh Takaful ke atas jumlah kerugian yang dibayar, atau 50% daripada Sumbangan Takaful sementara yang mana lebih tinggi.
- 7) Adalah wajar bahawa setiap Sijil Takaful lain berasaskan pengisytiharaan yang melindungi stok yang dilindungi dengan ini hendaklah selaras dalam kata-kata dengan Sijil Takaful ini.
- 8) Sijil Takaful ini adalah tertakluk dalam semua aspek dengan syarat-syarat yang dicetak di dalam Sijil Takaful kecuali setakat kerana ia boleh diubah oleh Syarat Khas.

FC20. FASAL PENYIMPANAN SEMENTARA

Harta benda (kecuali bangunan) yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi ketika penyimpanan sementara di mana-mana di Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura DENGAN SYARAT:-

- a) tempoh penyimpanan sementara tidak melebihi enam puluh (60) hari.
- b) liabiliti Syarikat adalah terhad kepada 10% daripada Amaun Perlindungan atau RM500,000 mengikut mana yang lebih rendah bagi harta yang dilindungi di bawah fasal ini.
- c) Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan pada harta ketika dalam transit (termasuk proses punggah memunggah yang merupakan sebahagian daripada transit tersebut).
- d) Sijil Takaful ini tidak digunapakai ke atas harta benda setakat mana ia dilindungi oleh Takaful lain atau tidak digunapakai ke atas kenderaan dan casis motor berlesen untuk kegunaan di jalan raya atau digunakan di atas jalan raya seperti yang didefinisikan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (termasuk aksesori).

FC27. FASAL PEMINDAHAN DALAMAN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan harta benda dari satu bangunan ke tempat yang lain di mana-mana lokasi yang dinyatakan dan secara tidak sengaja tidak memberitahu pihak Syarikat, perlindungan Takaful ke atas harta tersebut akan diteruskan sewaktu pemindahan, pelarasan sewajarnya ke atas Amaun Perlindungan dan Sumbangan Takaful yang sepatutnya dibayar bermula dari tarikh pemindahan sebaik saja kesilapan tersebut diketahui.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

FC28. FASAL BANGUNAN LUAR

Perlindungan Takaful mengikut setiap butiran di bawah Bangunan difahami merangkumi dinding, pintu pagar dan pagar, bangunan luar yang kecil, peluasan, sambungan, tangga luar, peralatan untuk bahan bakar, kerangka keluli atau besi dan tangki di dalam Premis tersebut dan perlindungan Takaful mengikut setiap butiran di bawah Kandungan diperluaskan untuk merangkumi kandungan setiap bangunan luar.

FC29. FASAL PENILAIAN

Jika tuntutan secara agregat untuk mana-mana satu kerugian tidak melebihi RM5,000 atau 5% daripada Amaun Perlindungan yang mana amaunnya lebih rendah mengikut butiran yang berkenaan tidak ada inventori khas atau penilaian harta yang tidak rosak diperlukan.

Jika dua (2) atau lebih bangunan disertakan sebagai satu butiran, peruntukan ini hendaklah diguna pakai kepada semua jenis bangunan dan/atau kandungan mengikut butiran yang berkenaan.

FC30. FASAL KEMASUKAN KENDERAAN

Sekiranya mana-mana kenderaan Peserta Takaful yang ditinggalkan bersama muatan di dalam premis yang dikemukakan di dalam spesifikasi tersebut pihak Syarikat akan membayar ganti rugi Peserta Takaful yang berkaitan dengan apa-apa muatan sekiranya kerugian atau kerosakan disebabkan oleh sebarang Peril dilindungi terhadap Sijil Takaful ini.

FC31. FASAL PENGUBAHSUAIAN ATAU PEMBAIKAN

Walau apapun yang terkandung dalam Syarat 7(a), pekerja dibenarkan berada di dalam atau di sekitar harta benda dilindungi untuk menjalankan kerja pengubahsuaian atau pembaikan dengan syarat dagangan, pengilangan, jenis, penghunian dan/atau pembinaan bangunan tetap tidak berubah.

FC32. FASAL PURATA UNTUK SYARAT AGREGAT

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa walaupun pengisytiharan setiap Amaun Perlindungan dalam Sijil Takaful ini, syarat ke 17 Sijil Takaful ini akan diguna pakai seolah-olah rujukan kepada harta di dalamnya adalah untuk semua harta Peserta Takaful yang sama di lokasi yang sama dilindungi. Seterusnya, ayat "Setiap butiran Sijil Takaful, jika lebih daripada satu, hendaklah tertakluk berasingan kepada syarat ini" yang ada dalam teks untuk syarat 17 dianggap telah digugurkan.

FC33. ENDORSMEN NILAI DIPERSETUJUI UNTUK OBJEK SENI/LUKISAN, ANTIK DAN BARANGAN SEPERTINYA

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui di sini bahawa sekiranya butiran harta yang dilindungi yang dinyatakan di bawah hilang, binasa atau rosak sama sekali oleh mana-mana peril yang dilindungi, liabiliti pihak Syarikat hendaklah tidak melebihi nilai yang dipersetujui yang dinyatakan bersepadan di dalam jadual berikut:-

Harta yang Dilindungi	Nilai yang Dipersetujui

Walau apapun yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini yang bertentangan, mana-mana butiran yang dilindungi mengandungi barangan berpasangan atau set, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian tertentu yang mungkin hilang, tanpa mengambil kira mana-mana nilai khas yang barangan tersebut mungkin ada sebagai sebahagian daripada pasangan atau set tersebut.

Tertakluk selainnya kepada terma pengecualian dan syarat Sijil Takaful ini.

FC34. FASAL TAKAFUL LAIN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Peserta Takaful dianggap telah mematuhi syarat no. 4 Sijil Takaful ini dengan syarat dia telah mengisytiharkan kepada pihak Syarikat jumlah amaun Takaful yang dikuat kuasakan dengan Syarikat Takaful lain ke atas harta yang dilindungi di sini.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

FC35. FASAL PASANGAN DAN SET

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa walau apapun terkandung bertentangan di dalam Sijil Takaful ini, mana-mana butiran yang dilindungi mengandungi barangan berpasangan atau set, pihak Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk membayar lebih daripada nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian tertentu yang mungkin hilang, tanpa mengambil kira mana-mana nilai khas yang barangan tersebut mungkin ada sebagai sebahagian daripada pasangan atau set tersebut.

Tertakluk selainnya kepada terma pengecualian dan syarat Sijil Takaful ini.

FC36. TAKAFUL PENGAPUNGAN

(a) Kawasan khusus

Stok dilindungi di bawah (bahagian...) Sijil Takaful ini tertakluk kepada pengapungan Amaun Perlindungan diisytiharkan pada semua kawasan sebagai khusus dinyatakan di dalam Jadual.

Sentiasa disyaratkan maksimum liabiliti pihak Syarikat tidak melebihi pengapungan Amaun Perlindungan yang ditetapkan di dalam Jadual bagi bahagian dilindungi.

Nota: (i) Sumbangan Takaful yang dikenakan hendaklah dikira mengikut kadar tertinggi yang mengambil kira pada kawasan berkenaan.

(b) Kawasan bukan khusus

Stok dilindungi di bawah (bahagian...) Sijil Takaful ini tertakluk kepada pengapungan Amaun Perlindungan diisytiharkan pada semua kawasan kepunyaan dan/atau diduduki oleh Peserta Takaful mana-mana sahaja di Malaysia.

Adalah sentiasa disyaratkan:-

- (i) hendaklah minimum sepuluh (10) kawasan dilindungi dalam Sijil Takaful di bawah bahagian ini.
- (ii) Amaun Perlindungan mana-mana satu kawasan hendaklah tidak melebihi had RM500,000.

Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan, liabiliti maksimum pihak Syarikat hendaklah tidak melebihi jumlah RM500,000 untuk mana-mana satu kawasan bukan khusus dan Amaun Perlindungan pengapungan berkaitan dengan semua kawasan bukan khusus dilindungi di bawah Sijil.

- Nota :
- (i) Amaun Perlindungan pengapungan kepada kawasan bukan khusus hendaklah lebih dari RM500,000
 - (ii) Sumbangan Takaful dikenakan tertakluk kepada 25% kadar kemasukan tertinggi diterima pakai pada Sijil Takaful.

(c) Tidak ditentukan lokasi sejenis

Stok dilindungi di bawah (bahagian...) Sijil Takaful ini tertakluk kepada pengapungan Amaun Perlindungan diisytiharkan pada semua kawasan kepunyaan dan/atau diduduki oleh Peserta Takaful mana-mana sahaja di Malaysia.

Adalah sentiasa disyaratkan:-

- (i) hendaklah minimum kawasan satu ribu (1,000) di bawah bahagian ini pada permulaan dari Sijil Takaful.
- (ii) had setiap unit Amaun Perlindungan hendaklah melebihi RM5,000.00
- (iii) Peserta Takaful hendaklah mengisytiharkan secara bertulis kepada syarikat setiap jumlah nilai stok dalam tempoh tiga puluh (30) hari.....(termasuk hari atau tarikh diguna pakai) setiap bulan kelendar.
- (iv) pengisytiharan nilai asas pada nilai stok dilindungi sepenuhnya, sebarang kerugian mestilah diselesaikan berasaskan Nilai Pasaran dengan segera pada kerugian sebelumnya.

Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan, liabiliti maksimum pihak Syarikat hendaklah tidak melebihi had Amaun Perlindungan sebanyak RM5,000 setiap unit stok dan Amaun Perlindungan pengapungan berkaitan dengan semua kawasan bukan khusus dilindungi di bawah Sijil Takaful.

FC37. FASAL KEMASUKAN AUTOMATIK (UNTUK TAKAFUL POKOK GETAH SAHAJA)

Di mana Peserta Takaful telah memperolehi penanaman pokok yang baru dalam memasukkan atau dalam memperolehi perluasan yang baru, perluasan Sijil Takaful disini untuk melindungi apa-apa yang diperolehi dalam kemasukan pokok baru ditanam atau dalam keluasan yang diperolehi (tetapi nilai tidak diguna pakai dalam Ekses daripada Amaun Perlindungan) khusus dalam (Bahagian No.) Sijil Takaful ini bagi tidak melebihi setiap Skim 10% dalam kaitan dengan Amaun Perlindungan dan tertakluk kepada maksimum RM5,000 yang mana lebih rendah.

Peserta Takaful mengaku janji untuk memaklumkan Syarikat setiap tiga (3) bulan terhadap apa-apa tambahan dan bayaran yang digunapakai pada Sumbangan Takaful tambahan.

FC38. FASAL PENYEWA (UNTUK KEPENTINGAN PEMILIK)

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini untuk kepentingan Peserta Takaful ke atas harta yang dilindungi yang digunakan atau didiami oleh penyewa kepada Peserta Takaful, hendaklah tidak menjadikannya tidak sah disebabkan oleh apa-apa perubahan penghunian atau peningkatan risiko yang berlaku ke atas harta yang dilindungi tanpa pengetahuan Peserta Takaful dengan syarat Peserta Takaful secepat mungkin apabila mendapat tahu, memberi notis kepada pihak Syarikat dan membayar Sumbangan Takaful tambahan (jika ada) yang mungkin diperlukan oleh pihak Syarikat dari tarikh peningkatan risiko tersebut.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FC39. FASAL TAKAFUL SENDIRI

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Peserta Takaful bersetuju untuk melindungi sendiri dan Amaun Perlindungan yang dinyatakan di bawah (butiran no.....) Sijil Takaful ini mewakili hanya% daripada Nilai Pasaran sebenar (atau nilai pengembalian semula sekiranya Sijil Takaful ini tertakluk kepada asas nilai pengembalian semula) ke atas harta yang dilindungi.

Akibat daripada kenyataan di atas, Peserta Takaful bersetuju untuk menjadi penanggung Takafulnya sendiri untuk% dan bersetuju untuk menanggung perkadaran setimpal bagi :-

- (a) setiap kerugian atau kerosakan (termasuk apa-apa amaun berhubung dengan yuran, caj, kos dan perbelanjaan) yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini; dan
- (b) apa-apa perbelanjaan yang perlu dibayar dalam menguatkuasakan Syarat 16 Sijil Takaful ini

Seterusnya adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya Amaun Perlindungan di bawah (butiran no) Sijil Takaful ini adalah kurang daripada% daripada nilai sebenar harta yang dilindungi pada masa berlaku kerugian, Syarat 20 Sijil Takaful ini (Fasal Purata) akan diguna pakai sewajarnya.

FC40. FASAL MENANGGUNG PERLINDUNGAN AUTOMATIK (HARTA DI LOKASI BARU)

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa apa-apa harta tambahan yang terletak di lokasi di Malaysia yang tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful ini yang mungkin diperolehi oleh Peserta Takaful semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, diberi perlindungan secara automatik sehingga 10% daripada had Sijil Takaful atau RM10 juta atau yang mana lebih rendah dengan syarat Peserta Takaful hendaklah memberitahu pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perolehan harta tersebut dan hendaklah membayar Sumbangan Takaful tambahan dari tarikh perolehan tersebut.

Tertakluk selainnya kepada terma, pengecualian dan syarat Sijil Takaful ini.

FC41. FASAL PENGURANGAN DAN EKSES

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Pengurangan dan/atau Ekses seperti yang dinyatakan di dalam Jadual dan/atau Endorsmen dan/atau fasal yang dilampirkan pada Sijil Takaful ini, hendaklah diguna pakai seperti berikut dan seperti yang ditentukan selepas penggunaan mana-mana syarat purata.

- a) hanya satu (1) Pengurangan dan/atau Ekses, yang mungkin diguna pakai dan boleh diguna pakai bagi setiap satu kerugian yang timbul daripada satu peristiwa tanpa mengambil kira bilangan penanggung Takaful bersama;
- b) Pengurangan dan/atau Ekses hendaklah diperuntukkan bersama Syarikat;
- c) Pengurangan dan/atau Ekses yang diperuntukkan di atas hendaklah mengikut perkadaran liabiliti bersama Syarikat;
- d) Peserta Takaful tidak boleh menanggung lebih daripada satu (1) Pengurangan Sijil Takaful dan/atau Ekses dalam apa-apa hal jua.

Tertakluk selainnya kepada terma, pengecualian dan syarat Sijil Takaful ini.

FC42A. PENGENALPASTIAN TARIKH (Untuk Sijil Takaful Kebakaran Sahaja)

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini telah dipinda seperti berikut:

- A. Pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakkan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, atau apa-apa Kerugian Turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrochip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Peserta Takaful akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:

1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau;
 3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota badan), kos dan perbelanjaan atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Peserta Takaful atau untuk Peserta Takaful atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan, atau sebarang kerugian turutan yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Fasal Pengecualian	Endorsmen ini mengecualikan kerugian atau kerosakan atau Kerugian Turutan akibat daripada Peril yang dilindungi seperti yang telah ditakrifkan di dalam Sijil Takaful.
-----------------------	--

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FC42B. PENGENALPASTIAN TARIKH (Untuk Sijil Takaful Pemilik Rumah/Isi Rumah atau Sijil Takaful Kebakaran Kerugian Turutan)

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini telah dipinda seperti berikut:

- A. Pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota badan), kos dan perbelanjaan atau apa-apa Kerugian Turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrochip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Peserta Takaful atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;
 2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau;
 3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota badan), kos dan perbelanjaan atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Peserta Takaful atau untuk Peserta Takaful atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), kos dan perbelanjaan tertanggung sedemikian atau Kerugian Turutan yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Fasal Pengecualian	Endorsmen ini tidak mengecualikan kerugian atau kerosakan atau Kerugian Turutan akibat daripada Peril yang dilindungi seperti yang telah ditakrifkan di dalam Sijil Takaful.
--------------------	--

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat polisi ini.

FC42C. PENGENALPASTIAN TARIKH (Sijil Takaful Semua Risiko Industri Sahaja)

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini telah dipinda seperti berikut:

- A. Pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota badan), kos dan perbelanjaan atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrochip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Peserta Takaful atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
 1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;
 2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau;
 3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota badan), kos dan perbelanjaan atau apa-apa Kerugian Turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Peserta Takaful atau untuk Peserta Takaful atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahami bahawa pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), kos dan perbelanjaan tertanggung sedemikian atau Kerugian Turutan yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Fasal Pengecualian	Endorsmen ini tidak termasuk apa-apa kehilangan atau kerosakan atau Kerugian Turutan yang timbul daripada Bahaya Ditakrifkan. Bahaya Ditakrifkan membawa maksud kebakaran, petir, letupan, kesan pesawat atau kenderaan, objek jatuh, ribut angin, hurikan, silkon, taufan, rusuhan, mogok, perbuatan jahat, vandalisme, kerosakan yang berniat jahat, gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir, pecahan atau limpahan air tangki atau paip, penenggelaman dan tanah runtuh dan kebakaran spontan.
--------------------	--

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FC43. PENGENEPIAN HAK SUBROGASI PENANGGUNG TAKAFUL

Sebagai balasan pembayaran Sumbangan Takaful tambahan, pihak Syarikat bersetuju untuk mengeneipkan apa-apa hak dan remedi atau relief atau ganti rugi yang ia mungkin berhak melalui subrogasi terhadap entiti berikut:-

Walaupun bagaimanapun, hak pihak Syarikat untuk menguatkuasakan apa-apa hak dan remedi atau untuk mendapatkan relief atau ganti rugi daripada mana-mana pihak melalui subrogasi tidak akan terjejas.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

FC44. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA BENDA

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini hendaklah bermakna kerosakan fizikal kepada bahan.

Kerosakan fizikal kepada bahan harta benda adalah tidak termasuk kerosakan kepada data atau perisian, khususnya sebarang perubahan yang merosakkan data, perisian atau program komputer disebabkan oleh pemadaman, pencemaran atau kecacatan struktur asal.

Seterusnya perkara berikut dikecualikan daripada Sijil Takaful ini:-

- a) Kehilangan atau kerosakan pada data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada perubahan merosakkan data, perisian atau program komputer yang disebabkan pemadaman, pencemaran atau kecacatan struktur asal, dan sebarang kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kehilangan atau kerosakan tersebut. Walau apa pun yang terkandung dalam pengecualian ini, kehilangan atau kerosakan pada data atau perisian, yang merupakan kesan langsung kerosakan fizikal terlindung kepada bahan harta benda, adalah dilindungi.
- b) Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kerosakan fungsi, ketersediaan, julat penggunaan atau kebolehcapaian data, perisian atau program komputer dan sebarang kerugian akibat gangguan perniagaan yang timbul daripada kehilangan atau kerosakan tersebut.

FC45. FASAL PENGECEUALIAN ASBESTOS

Semua tuntutan Sijil Takaful ini tidak termasuk kerugian yang berkenaan yang berasaskan, timbul daripada secara langsung atau tidak langsung atau disebabkan atau, mengakibatkan, atau dengan apa jua cara melibatkan

1. asbestos, atau
2. sebarang kecederaan sebenar atau didakwa berkaitan asbestos membabitkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pembuangan atau penyingkiran atau pengelakan asbestos atau pendedahan atau potensi pendedahan kepada asbestos.

FC46. FASAL PENGECEUALIAN RISIKO RADIOAKTIF/ TENAGA NUKLEAR

Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam bentuk apa sekalipun yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau akibat daripada atau berkaitan dengan mana-mana kejadian berikut tanpa mengira sebarang punca atau kejadian lain atau sebarang turutan lain yang secara serentak menyumbang kepada kerugian:

1. radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear atau daripada pembakaran atau bahan api nuklear;
2. kesan radioaktif, toksik, bahan letupan atau bahaya lain atau pencemaran mana-mana loji nuklear, reaktor atau pemasangan nuklear lain atau komponen nuklear;
3. apa-apa senjata peperangan yang menggunakan pembelahan atom atau tindak balas nuklear dan/atau tindak balas atau kuasa atau bahan radioaktif lain seperti.

FC47. PENGURANGAN SUKARELA

Sijil Takaful ini tidak melindungi jumlah potongan dinyatakan di dalam setiap Jadual berkaitan dan setiap kerugian atau siri kerugian yang timbul daripada sebarang satu kejadian sebagai penentuan selepas diterima pakai oleh semua terma dan syarat Sijil Takaful lain termasuklah sebarang potongan atau keadaan purata lain.

Tempoh dan tunggakan pada sebarang kerugian berlaku yang timbul daripada sebarang satu kejadian juga ditakrif hadkan kepada:

- i) tujuh puluh dua (72) jam berturut-turut sebagai mengambil kira, silkon, hurikan, taufan dan/ atau rebut angin.
- ii) tujuh puluh dua (72) jam berturut-turut sebagai mengambil kira, gempa bumi, dan/atau banjir (termasuk limpahan air laut)
- iii) tujuh puluh dua (72) jam berturut-turut dan dihadkan pada satu Negeri atau Bandar mengambil kira kekecohan awam, rusuhan dan mogok dan/atau kerosakan perbuatan jahat.
- iv) Seratus enam puluh lapan (168) jam berturut-turut untuk sebarang kejadian semula jadi alam lain.

Dalam tempoh Sijil Takaful ini jaminan diberikan bahawa Peserta Takaful tidak akan berkuat kuasa Takaful berkaitan dengan jumlah potongan dinyatakan di dalam jadual.

ENDORSMEN-ENDORSMEN

Endorsmen-endorsmen berikut hanya sah bagi Sijil Takaful ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan adalah tertakluk selainya pada Terma-Terma Sijil Takaful ini.

FE21. ENDORSMEN PAJAKAN

Adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa..... (kemudian daripada ini disebut sebagai pemberi pajak) adalah pemilik harta yang dilindungi oleh perkara dan bahawa harta itu adalah subjek Perjanjian Pajakan yang dibuat antara pemberi pajak sebagai satu pihak dan dilindungi bahagian lain dan ia juga difahami dan dipersetujui bahawa pemberi pajak berminat dalam mana-mana wang yang tetapi untuk pengesahan ini boleh dibayar kepada Peserta Takaful di bawah Sijil Takaful ini berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan kepada harta (yang kerugian atau kerosakan tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian di bawah terma Sijil Takaful) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada pemberi pajak selagi mereka pemilik harta dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada pihak Syarikat berkenaan dengan kerugian atau kerosakan sedemikian. Simpan oleh Endorsmen ini bersetuju dengan nyata di sini tidak akan mengubah suai atau menjejaskan hak dan liabiliti Peserta Takaful atau pihak Syarikat masing-masing di bawah atau berkaitan dengan Sijil Takaful ini.

Fasal Tidak Boleh Batal

Dan seterusnya dipersetujui bahawa pembatalan Sijil Takaful ini tidak boleh dibuat oleh Peserta kecuali pemberitahuan terlebih dahulu kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) secara bertulis memberi notis empat belas (14) hari kepada alamat Penerima Gadai Janji yang terakhir diketahui.

FE22. ENDORSMEN KEROSAKAN ASAP

Tanpa mengambil kira apa-apa terkandung yang bertentangan dalam Sijil Takaful ini, adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa pertimbangan kepada bayaran Sumbangan Takaful tambahan, perlindungan Takaful di bawah bahagian no... Sijil Takaful ini dilanjutkan termasuklah:-

Kemusnahan atau kerosakan kepada harta benda dilindungi secara lansung disebabkan oleh (kebakaran atau selainnya) asap secara tiba-tiba, luar biasa dan operasi penipuan pada sebarang unit pemanasan atau memasak, apabila apa-apa unit hanya disambungkan kepada cerobong oleh paip ekzos atau paip bolong, dan apabila dalam atau pada keterangan Premis tetapi bukan asap dari tempat kebakaran atau apparatus industri.

Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh bahaya dilindungi, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap setiap RM50,000 dan semua kerugian sebagai penentuan selepas diguna pakai pada sebarang syarat-syarat purata.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil Takaful adalah berkuat kuasa (melainkan syarat tersebut diubah secara khusus) dan bahawa sebarang rujukan di sini kepada kemusnahan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran adalah dianggap diguna pakai juga untuk kemusnahan atau kerosakan disebabkan kebakaran.

FE23. FASAL JENAMA, LABEL DAN CAP DAGANGAN

Sekiranya kerosakan harta benda melambangkan jenama, label atau cap dagangan, yang mana jualan pada sebarang jalan sebagai jaminan kepada Peserta Takaful, nilai menyelamatkan apa-apa kerugian harta benda akan ditentukan selepas pembuangan semua jenama, label dan sebarang cap dagangan dalam cara biasa yang mungkin boleh diambil sebagai penunjuk bahawa pengeluaran jaminan atau disertakan terhadap harta benda Peserta Takaful.

FE24. ENDORSMEN BARANGAN DAN STOK YANG MENJALANI SEBARANG PROSES PEMANASAN ATAU PENGERINGAN

Tanpa mengambil kira apa-apa terkandung dalam Syarat 5(i)(b) yang bertentangan dalam Sijil Takaful, adalah dengan ini difahami dan dipersetujui Takaful bawah bahagian no: Sijil Takaful ini dilanjutkan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta benda disebabkan oleh proses menjalani sebarang pemanasan atau pengeringan dengan syarat bahawa tidak termasuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh asap, wasap, kesan terbakar, hangus, tindakan kimia, pertukaran tempat atau komposisi asal, perubahan warna harta benda.

FE25. ENDORSMEN REKAHAN SEMBURAN

Sebagai pertimbangan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, dengan ini memperakui dan bersetuju bahawa perlindungan di bawah Sijil Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi secara langsung disebabkan oleh air atau sengaja melepaskan ejen menghalang kebakaran atau bocor daripada pemasangan semburan automatik dan /atau hujan deras dan/atau pemasangan penyingkiran atau penghalang kebakaran atau apparatus.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa selain Takaful di bawah Endorsmen dan tertakluk kepada Sijil Takaful untuk semua terma, had, ketepatan, pengecualian, peruntukan dan pengecualian dicetak pada, pernyataan, diendorskan atau disertakan kepada Sijil Takaful dan adalah tanpa sebarang cara menghadkan lanjutan yang terdahulu, liabiliti pihak Syarikat hendaklah dalam apa jua keadaan di bawah Endorsmen ini melebihi berkenaan dengan setiap butiran jumlah yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam keseluruhan Amaun Perlindungan

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau melalui atau diakibatkan oleh:

- a) letupan, limpahan atau letupan bangunan
- b) arahan dari mana-mana pihak berkuasa awam
- c) pemanasan disebabkan oleh kebakaran
- d) pembaikan atau pengubahan kepada bangunan atau Premis
- e) pemasangan semburan automatik sama ada untuk dibaiki, dipindahkan atau dilanjutkan

Tiada liabiliti hendak disertakan jika bangunan dilindungi atau mengandungi harta benda dilindungi menjadi berpenghuni dan berasal untuk tempoh lebih dari tiga puluh (30) tahun melainkan Peserta memperoleh sekatan daripada pihak Syarikat ditandakan keatas Endorsmen Sijil Takaful.

SYARAT KHAS

- 1) Peserta Takaful hendaklah setiap masa semasa Sijil Takaful ini berkuat kuasa mengambil semua langkah yang munasabah bagi menjalankan pemasangan kerja Semburan Automatik secara berterusan, termasuk isyarat Bunyi Automatik.
- 2) Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi kerugian atau kerosakan yang terlibat selepas pemberian notis kepada Peserta Takaful oleh pihak Syarikat bahawa bertanggungjawab pada kemalangan Pemasangan Semburan dengan alasan kerosakan pembinaan atau keadaan tertentu jika Peserta Takaful sedar sendiri tentang kerosakan dan pembinaan atau keadaan.

FE26. ENDORSMEN SEWA BELI

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa..... (rujukan selepas ini sebagai Pemilik) adalah pemilik harta benda dilindungi oleh bahagian..... dan apa-apa harta benda tertakluk kepada Perjanjian Sewa Beli dibuat antara Pemilik satu bahagian dan Peserta Takaful bagi bahagian lain. Adalah difahami dan dipersetujui sentiasa bahawa sebarang bayaran yang dibuat berkaitan dengan kerugian atau kerosakan (yang mana kerugian atau kerosakan tidak di buat untuk pembaikan, pemasangan semula atau penggantian) di bawah terma Sijil Takaful ini hendaklah di buat kepada Pemilik selagi mereka masih lagi pemilik harta benda dan mereka menerima sepenuhnya dan pelepasan terakhir kepada pihak Syarikat dikaitkan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan.

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa walaupun sebarang peruntukan di dalam Perjanjian Sewa Beli terhadap pengeluaran bertentangan Sijil Takaful ini kepada Peserta Takaful bagi: sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau Pemegang Amanah kepada Pemilik dan tiada apa yang dinyatakan di dalamnya ditafsirkan sebagai membentuk Peserta Takaful, sebagai ejen atau pemegang amanah kepada Pemilik atau sebagai tugas (sama ada undang-undang atau saksama) oleh Peserta Takaful kepada Pemilik pada haknya, manfaat dan tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

Fasal Tidak Boleh Batal

Dan seterusnya dipersetujui bahawa pembatalan Sijil Takaful ini tidak boleh dibuat oleh Pesert Takaful kecuali pemberitahuan terlebih dahulu kepada Pemilik secara bertulis memberi notis empat belas (14) hari kepada alamat Pemilik yang terakhir diketahui.

PERIL-PERIL

Peril-peril berikut hanya sah bagi Sijil Takaful ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan adalah tertakluk selainya pada Terma-Terma Sijil Takaful ini.

FP1. KEROSAKAN AKIBAT PESAWAT

Sebagai pertimbangan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, adalah Syarikat dipersetujui dan diperakui di bawah Sijil Takaful, tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini, dilanjutkan untuk melindungi kerugian atau kerosakan (disebabkan oleh kebakaran atau selainnya) kepada harta benda yang dilindungi yang secara langsung disebabkan oleh pesawat dan peralatan udara lain dan/atau barang yang terjatuh daripadanya.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil Takaful adalah berkuat kuasa seolah-olah syarat telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan ini sebarang kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan adalah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.

SYARAT KHAS

- (1) Liabiliti pihak Syarikat dalam apa jua keadaan di bawah Endorsmen dan Sijil Takaful ini adalah tidak melebihi Amaun Perlindungan untuk setiap item dalam Sijil Takaful.
- (2) Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana pesawat yang mendapat kebenaran untuk mendarat daripada Peserta Takaful.

Tertakluk selainya kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Nota : Ahli dibenarkan untuk memadam Syarat Khas (2) tertakluk Pesawat Endorsmen Kerosakan kepada Sumbangan Takaful minimum tambahan sebanyak 0.003% setahun.

Peruntukan di atas bagi penghapusan berkenaan hanya kepada bangunan yang diliputi dengan helipad yang terletak sama ada di atas bumbung atas atau paras tanah.

FP2. GEMPA BUMI DAN LETUPAN GUNUNG BERAPI

Sebagai pertimbangan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, dengan ini pihak Syarikat bersetuju bahawa walau apa pun yang dinyatakan sebaliknya dalam Syarat No. 6 Sijil Takaful, perlindungan Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh kebakaran atau jika tidak, disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada gempa bumi dan letupan gunung berapi.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua Syarat Sijil Takaful adalah berkuat kuasa (melainkan Syarat tersebut diubah secara khusus) dan bahawa sebarang rujukan kepada kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran adalah dianggap diguna pakai juga untuk kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh sebarang bahaya yang mana liputan Takaful ini dilanjutkan menurut Endorsmen ini.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FP3. RIBUT, ANGIN KENCANG

Sebagai pertimbangan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, dengan ini Syarikat bersetuju bahawa walau apa pun yang dinyatakan sebaliknya dalam Syarat No. 6 Sijil Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh kebakaran atau jika tidak, disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada hurikan, siklon, taufan dan ribut angin, tertakluk kepada Fasal Ekse berikut dan Syarat Khas yang dilampirkan bersama-sama ini.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil Takaful adalah berkuat kuasa (melainkan Syarat tersebut diubah secara khusus) dan bahawa sebarang rujukan kepada kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran adalah dianggap diguna pakai juga untuk kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh sebarang Peril yang dilindungi menerusi Sijil Takaful menurut Endorsmen ini.

Fasal Ekse

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa berhubung dengan kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dengan ini dilindungi yang secara langsung disebabkan oleh sebarang bahaya yang berkuat kuasa di bawah Fasal ini, liabiliti pihak Syarikat adalah terhad kepada bahagian bersekadar jumlah yang mana kerugian atau kerosakan tersebut melebihi sama ada:

(a) 1% daripada Amaun Perlindungan daripada bahaya sedemikian ke atas harta benda tersebut oleh Sijil Takaful atas nama Peserta Takaful, atau

(b) RM200.00

yang mana lebih rendah, seperti yang ditentukan selepas pelaksanaan sebarang syarat purata.

Dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa Fasal ini berkuat kuasa secara berasingan ke atas:-

(i) setiap harta benda, yang mana semua harta benda yang dilindungi di alamat yang sama akan dianggap sebagai satu harta benda,

(ii) setiap Kejadian yang menimbulkan kerugian atau kerosakan dan untuk tujuan ini sesuatu Kejadian tidak akan dianggap tamat sehingga bebas daripada bahaya berkenaan selama tujuh (7) hari berturut-turut dan Fasal ini akan berkuat kuasa semula hanya selepas tempoh itu.

SYARAT KHAS

1. Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh air atau hujan, sama ada dibawa oleh angin atau tidak, melainkan bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi terlebih dahulu mengalami kerosakan sebenar kepada bumbung atau dinding disebabkan kuasa langsung yang sama daripada Hurikan, Siklon, Taufan dan Ribut Angin dan kemudiannya akan bertanggungjawab hanya untuk kerosakan dalaman bangunan atau harta benda yang dilindungi di dalamnya yang disebabkan oleh air atau hujan memasuki bangunan menerusi lubang pada bumbung atau dinding yang disebabkan secara langsung oleh kuasa bencana tersebut.

2. Endorsmen ini tidak melanjutkan Sijil Takaful ini untuk meliputi:-

(a) Sebarang jenis Kerugian turutan

(b) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hujan batu sama ada dibawa angin atau tidak.

(c) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh tanah jertus atau tanah runtuh kecuali apabila ia disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi, dengan syarat bahaya ini dilindungi oleh Sijil Takaful ini.

(d) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan kecuali seperti yang dinyatakan dalam Pengecualian 2(h) Sijil Takaful.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- (e) Kerugian atas sebab mana-mana ordinar atau undang-undang yang mengawal pembinaan atau pembaikan bangunan.
- 3. Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini terhadap kerugian atau kerosakan yang mana pada masa kejadian kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi oleh atau akan dilindungi, tetapi kerana adanya perluasan ini, dilindungi oleh sebarang Sijil Takaful atau Polisi yang sedia ada kecuali berhubung dengan sebarang Ekses yang melebihi jumlah sepatutnya dibayar di bawah setiap Sijil Takaful atau Polisi tersebut seandainya Sijil Takaful ini belum berkuat kuasa.
- 4. Melainkan dilindungi secara khusus dan berasingan, Endorsmen ini tidak melindungi:-
 - (a) Cerobong asap logam, sengkup, bidai, papan tanda atau lekapan luar lain dalam apa jua rupa bentuk.
 - (b) Premis dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan melainkan semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain telah siap dan dilindungi daripada hurikan, siklon, taufan dan ribut angin apabila bahaya tersebut dilindungi oleh Sijil Takaful ini.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FP4. BANJIR

Sebagai pertimbangan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, dengan ini pihak Syarikat bersetuju bahawa walau apa pun yang dinyatakan sebaliknya dalam Syarat No. 6 Sijil Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh kebakaran atau jika tidak, disebabkan oleh kebakaran atau jika tidak, disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada banjir (termasuk limpahan air laut) tertakluk kepada Fasal Ekses berikut dan Syarat Khas yang dilampirkan bersama-sama ini.

Perhatian: Banjir, untuk tujuan lanjutan ini, hendaklah bermakna limpahan atau lencongan daripada aliran biasa laluan air semula jadi atau buatan, kepecahan atau limpahan paip air awam dan sebarang pengaliran air lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi, tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh tanah jertus atau tanah runtuh.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua Syarat Sijil Takaful adalah berkuat kuasa (melainkan Syarat tersebut diubah secara khusus) dan bahawa sebarang rujukan di sini kepada kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran adalah dianggap diguna pakai juga untuk kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh sebarang bahaya menerusi Takaful menurut Endosmen ini.

Fasal Ekses

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa berhubung dengan kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang dengan ini dilindungi yang secara langsung disebabkan oleh sebarang bahaya yang berkuat kuasa di bawah Fasal ini, liabiliti pihak Syarikat adalah terhad kepada bahagian bersekadar jumlah dalam mana kerugian atau kerosakan tersebut melebihi sama ada:

- (a) 1% daripada Amaun Perlindungan daripada Peril sedemikian ke atas harta tersebut oleh Sijil Takaful dalam nama Peserta Takaful, atau
- (b) RM2,500 pertama daripada setiap satu kerugian.

yang mana lebih rendah, seperti yang ditentukan selepas pelaksanaan sebarang syarat purata.

Dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa Fasal ini berkuat kuasa secara berasingan ke atas:-

- (i) setiap harta benda, yang mana semua harta benda yang dilindungi di alamat yang sama akan dianggap sebagai satu harta benda,
- (ii) setiap kejadian yang menimbulkan kerugian atau kerosakan dan untuk tujuan ini sesuatu kejadian tidak akan dianggap tamat sehingga bebas daripada bahaya berkenaan selama tujuh (7) hari berturut-turut dan Fasal ini akan berkuat kuasa semula hanya selepas tempoh itu.

SYARAT KHAS

- 1. Endorsmen ini tidak melanjutkan Sijil Takaful ini untuk meliputi:-
 - (a) Sebarang jenis Kerugian turutan
 - (b) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hujan batu sama ada dibawa angin atau tidak.
 - (c) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh tanah jertus atau tanah runtuh kecuali apabila ia disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi, dengan syarat Peril ini dilindungi oleh Sijil Takaful ini.
 - (d) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan kecuali seperti yang dinyatakan dalam Pengecualian 2(h) Sijil Takaful.
 - (e) Kerugian atas sebab mana-mana ordinar atau undang-undang yang mengawal pembinaan atau pembaikan bangunan.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

2. Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah lanjutan ini terhadap kerugian atau kerosakan yang mana pada masa kejadian kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi oleh atau akan dilindungi, tetapi kerana adanya lanjutan ini, dilindungi oleh sebarang Sijil Takaful atau Polisi Insurans yang sedia ada kecuali berhubung dengan sebarang Ekses yang melebihi jumlah sepatutnya dibayar di bawah setiap Sijil Takaful atau Polisi Insurans tersebut seandainya perlindungan Takaful ini belum berkuat kuasa.
3. Melainkan dilindungi secara khusus dan berasingan, Endorsmen ini tidak melindungi cerobong asap logam, sengkuaip, bidai, papan tanda atau Lekapan atau Lengkapan luar lain dalam sebarang rupa bentuk.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FP5. LETUPAN

Sebagai pertimbangan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, dengan pihak Syarikat ini bersetuju dan diperakui bahawa Sijil Takaful di bawah (item.....dari) Sijil Takaful ini, tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung di dalamnya, dilanjutkan untuk meliputi:-

Kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi akibat kebakaran atau jika tidak disebabkan secara langsung oleh letupan, tetapi dikecualikan kerugian atau kerosakan kepada dandang, alat penjimatan, atau bekas, mesin atau perkakas lain yang menggunakan tekanan atau kandungannya akibat daripada letupannya.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil Takaful (melainkan Pengecualian 2(h) tersebut diubah secara khusus) adalah berkuat kuasa seolah-olah syarat telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan ini sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan adalah dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dalam erti kata Sijil Takaful ini.

SYARAT KHAS

- 1) Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah lanjutan ini, terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, oleh sebarang tindakan keganasan yang dilakukan oleh orang yang bertindak bagi pihak atau ada hubungan dengan mana-mana organisasi.

Untuk tujuan Syarat ini, "keganasan" bermakna penggunaan kekerasan untuk tujuan politik dan termasuk sebarang penggunaan kekerasan untuk menakutkan orang ramai atau mana-mana kumpulan orang.

Dalam sebarang tindakan, saman atau prosiding lain di mana pihak Syarikat mendakwa bahawa kerana peruntukan Syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Takaful ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian adalah dilindungi terletak pada Peserta Takaful.

- 2) Jika terdapat sebarang Takaful kebakaran lain yang melindungi harta benda yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini, pihak Syarikat hanya bertanggungjawab secara pro-rata dengan Takaful kebakaran lain terhadap sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan sama ada atau bukan apa-apa Takaful kebakaran lain dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan akibat letupan.
- 3) Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini terhadap kerugian atau kerosakan yang mana pada masa kejadian kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi oleh atau akan dilindungi, tetapi kerana adanya perluasan ini, dilindungi oleh sebarang Sijil Takaful atau Polisi lain yang sedia ada kecuali berhubung dengan sebarang ekses yang melebihi jumlah sepatutnya dibayar di bawah setiap Sijil Takaful atau Polisi tersebut seandainya Takaful ini belum berkuat kuasa.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FP6. KEROSAKAN HENTAMAN

1) Kerosakan Hentaman Tidak Termasuk Kenderaan Peserta Takaful Sendiri

